

Perdagangan Luar Negeri, Imbangan Pembayaran Dan Pertukaran Mata Wang Asing

Prestasi Eksport

Dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1998, eksport kasar dalam nilai ringgit, meningkat dengan ketara, iaitu sebanyak 40.9% kepada RM162.7 bilion, berbanding dengan peningkatan sebanyak 19.7% dalam tempoh yang sama tahun 1997. Peningkatan nilai eksport ini disebabkan penyusutan nilai ringgit sebanyak 38.1% dalam tempoh tersebut memandangkan 76.2% daripada eksport Malaysia diurusniagakan dalam dolar Amerika Syarikat (AS). Bagi keseluruhan tahun 1998, eksport kasar dijangka meningkat sebanyak 28.5% kepada RM284.5 bilion (1997: 12.4%). Pertumbuhan yang kukuh ini didorong oleh eksport perkilangan yang dijangka berkembang sebanyak 27.8% pada tahun 1998 (1997: 12.7%). Berikutan pertumbuhan yang kukuh ini, sumbangan eksport perkilangan kepada jumlah pendapatan eksport dijangka masih tinggi, iaitu 80.5% pada tahun 1998 (1997: 81%). Pada masa yang sama, eksport komoditi pertanian utama juga dijangka meningkat sebanyak 26.6% kepada RM25.7 bilion pada tahun 1998 (1997: 3.3%), terutamanya disebabkan oleh harga minyak kelapa sawit, minyak isirong kelapa sawit dan getah yang tinggi. Eksport sektor perlombongan dijangka meningkat sebanyak 12.3% kepada RM16.1 bilion pada tahun 1998, didorong oleh pertumbuhan eksport gas asli cecair yang pesat, iaitu sebanyak 21.2%. Oleh yang demikian, jumlah pendapatan eksport komoditi utama dijangka meningkat sebanyak 20.7% kepada RM41.7 bilion (1997: 7.9%), menyumbangkan kira-kira 14.7% daripada pendapatan eksport Malaysia pada tahun 1998. Namun begitu, sumbangan eksport komoditi pertanian utama kepada jumlah pendapatan eksport dijangka terus berkurangan kepada 14.7% pada tahun 1998 (1997: 15.6%).


Walaupun nilai eksport Malaysia meningkat dengan ketara dalam nilai ringgit, namun, dalam

nilai dolar Amerika Syarikat, eksport dijangka berkurangan sebanyak 7.8% kepada AS\$72.5 bilion pada tahun 1998 (1997: 0.5%). Dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1998, nilai eksport dalam dolar AS merosot sebanyak 10.4% kepada AS\$41.3 bilion. Ini terutamanya disebabkan oleh penguncupan permintaan dari Asia Timur yang terjejas berikutan kesan deflasi akibat krisis kewangan serantau serta harga eksport yang rendah dalam nilai dolar Amerika Syarikat akibat peningkatan persaingan dan lebih penawaran, khususnya bagi petroleum mentah.

Eksport Barangan Perkilangan

Nilai eksport barangan perkilangan dijangka meningkat dengan ketara sebanyak 27.8% kepada RM229.1 bilion pada tahun 1998 (1997: 12.7%). Ini disebabkan terutamanya oleh kesan positif penyusutan nilai ringgit sebanyak 28.3% kerana hampir tiga suku daripada eksport Malaysia diniagakan di dalam dolar AS. Pertambahan nilai eksport mungkin lebih tinggi lagi jika tidak kerana harga-harga pasaran antarabangsa yang rendah bagi barangan perkilangan berikutan persaingan yang sengit dalam keadaan permintaan global yang perlahan dan kapasiti pengeluaran yang berlebihan. Semua kategori eksport, kecuali keluaran berasaskan kayu dan petroleum, mencatatkan pertambahan hasil eksport yang kukuh dalam nilai ringgit. Selain daripada nilai eksport yang lebih tinggi diperolehi oleh industri berorientasikan pasaran eksport, industri berorientasikan pasaran tempatan juga mencatatkan hasil eksport yang lebih tinggi. Ini berpunca daripada usaha-usaha gigih industri berorientasikan pasaran tempatan sejak kebelakangan ini untuk memasarkan barangan mereka ke luar negeri bagi mengatasi kemerosotan penjualan di dalam negeri. Dengan perkembangan

Carta 6.1
Struktur Eksport



Angka-angka di dalam rajah merupakan peratus daripada jumlah
Sumber : Jabatan Perangkaan.

ini, jumlah terimaan hasil eksport sektor perkilangan dianggarkan menyumbang 80.5% kepada keseluruhan hasil eksport Malaysia pada tahun 1998.

Dalam tempoh tujuh bulan pertama 1998, nilai eksport barangan perkilangan meningkat dengan mendadak sebanyak 43.6% (Januari-Julai 1997: 1.6%) kepada RM133.3 bilion atau 81.9% daripada jumlah eksport kasar. Walau bagaimanapun, hasil eksport menguncup sebanyak 8.5%, dari segi dolar AS, pada tempoh yang sama (Januari-Julai 1997: 2.1%). Dari segi nilai ringgit, hasil eksport industri berorientasikan pasaran eksport tradisi seperti tekstil, pakaian dan kasut, elektrik, elektronik dan jentera serta keluaran berasaskan getah meningkat antara 34.5% hingga 59.1%. Pada tempoh yang sama tahun 1997, peningkatan hasil eksport keluaran perkilangan berkenaan adalah antara 0.9% hingga 2.2%. Begitu juga dengan hasil eksport industri berorientasikan pasaran tempatan yang mengeluarkan bahan makanan, keluaran kimia, keluaran logam, keluaran galian bukan logam serta

kelengkapan pengangkutan meningkat antara 19.5% hingga 73.8% berbanding dengan prestasi antara penguncupan 1.2% hingga peningkatan 17.7% pada tempoh yang sama tahun 1997. Walau bagaimanapun, hasil eksport keluaran petroleum meningkat pada kadar yang perlahan sebanyak 1.5% (Januari-Julai 1997: 2.5%), sementara hasil eksport keluaran berasaskan kayu meningkat sebanyak 5.1% (Januari-Julai 1997: 12.2%).

Industri elektrik, elektronik dan jentera merupakan penyumbang terbesar kepada eksport barangan perkilangan sebanyak 67% dan diikuti oleh industri kimia dan keluaran kimia, 5.3%, tekstil, pakaian dan kasut, 4% dan keluaran besi, keluli dan logam, 3.8%. Dari segi pasaran eksport, pasaran tradisi yang merangkumi AS, Kesatuan Eropah (EU), Singapura dan Jepun keseluruhannya menyumbang 70.5% kepada jumlah eksport barangan perkilangan dalam tempoh tujuh bulan pertama 1998. Eksport ke AS meningkat sebanyak 72.8%, dan dengan itu, peratusan sumbangan nilai eksportnya meningkat kepada 25.7% daripada

Jadual 6.1**Eksport Barangan Perkilangan
(Januari-Julai)**

Tahun	RM juta		1998	
	1997	1998	% Perubahan	% Sumbangan
Keluaran elektrik, elektronik dan jentera	61,193	89,372	46.0	67.0
Tekstil, pakaian dan kasut	3,953	5,317	34.5	4.0
Makanan, minuman dan tembakau	2,121	3,126	47.4	2.3
Keluaran berasaskan kayu	4,606	4,843	5.1	3.6
Keluaran berasaskan getah	2,100	3,341	59.1	2.5
Keluaran petroleum	1,972	2,001	1.5	1.5
Kimia, keluaran kimia dan Plastik	4,886	7,006	43.4	5.3
Keluaran galian bukan logam	975	1,166	19.6	0.9
Besi, keluli dan logam	2,893	5,029	73.8	3.8
Kelengkapan pengangkutan	2,729	4,272	56.5	3.2
Lain-lain	5,391	7,853	45.7	5.9
JUMLAH	92,819	133,326	43.6	100.0

Sumber: Jabatan Perangkaan

keseluruhan eksport barangan perkilangan dalam tempoh berkenaan (Januari-Julai 1997: 21.5%). Begitu juga dengan eksport barangan perkilangan ke EU, mencatat peningkatan hasil eksport sebanyak 53% kepada RM21.3 bilion dalam tempoh tujuh bulan pertama 1998 dan menyumbang 16.6% kepada keseluruhan eksport barangan perkilangan (Januari-Julai 1997: 15.6%). Walau bagaimanapun, eksport ke Singapura meningkat pada kadar yang

lebih perlahan sebanyak 21.6% kepada RM24.5 bilion sementara eksport ke Jepun meningkat sebanyak 21.7% kepada RM11.8 bilion. Dengan itu, peratusan sumbangan eksport ke Singapura dan Jepun masing-masing berkurangan kepada 19% dan 9.2% berbanding dengan 22.6% dan 10.9% yang dicatatkan pada tempoh tujuh bulan pertama 1997, memandangkan permintaan dari negara-negara tersebut terjejas oleh kelembapan ekonomi.

Elektrik, Elektronik Dan Jentera

Eksport keluaran **elektrik, elektronik dan jentera** berkembang kukuh sebanyak 46% kepada RM89.4 bilion dalam tempoh tujuh bulan pertama 1998 (Januari-Julai 1997: 2.2%), disebabkan permintaan keluaran elektronik yang berterusan di luar negeri dan peningkatan nilai eksport keluaran elektrik dan jentera yang kukuh di negara-negara perindustrian utama, kecuali Jepun. Peningkatan hasil eksport ini sebahagiannya disebabkan oleh kesan kejatuhan ringgit ke atas nilai eksport. Walau bagaimanapun, nilai eksport dalam dolar AS telah jatuh sebanyak 7% kepada US\$22.7 bilion dalam tempoh tujuh bulan pertama 1998 (Januari-Julai 1997: +2.7%). Keadaan ini jelas menunjukkan kesan kejatuhan harga eksport dalam nilai dolar AS akibat persaingan pasaran antarabangsa yang sengit dalam menghadapi permintaan yang makin perlahan. Sungguhpun demikian, kategori eksport ini masih mengekalkan kedudukannya sebagai punca pendapatan eksport terbesar Malaysia dan menyumbangkan sebanyak 67% kepada keseluruhan eksport barangan perkilangan dalam tempoh kajian.

Eksport **keluaran elektronik** yang merangkumi dua sektor kecil, iaitu separa konduktor serta peralatan dan kelengkapan elektronik, terus berkembang dalam nilai ringgit sebanyak 51.4% kepada RM62.1 bilion dalam tempoh tujuh bulan pertama 1998 (Januari-Julai 1997: 10.9%). Pertambahan eksport keluaran elektronik yang lebih tinggi ini disokong terutamanya oleh **separa konduktor** yang mencatat kenaikan nilai eksport sebanyak 53.6% kepada RM32.3 bilion dalam tempoh yang sama (Januari-Julai 1997: 0.8%). Pertambahan nilai eksport yang menggalakkan ini terus disokong oleh permintaan separa konduktor dari AS dan Eropah sungguhpun harga 'dynamic random access memory' (DRAM) lebih

Jadual 6.2

Haluan Negara Utama bagi Eksport Barangan Perkilangan¹

	1997 Januari-Julai		1998 Januari-Julai	
	RM Juta	% Sumbangan	RM Juta	% Sumbangan
Amerika Syarikat	19,120	21.5	33,038	25.7
Kesatuan Eropah:	13,920	15.6	21,292	16.6
United Kingdom	3,412	3.8	5,184	4.0
Jerman	3,082	3.5	4,297	3.3
Jepun	9,683	10.9	11,789	9.2
Singapura	20,145	22.6	24,502	19.0
Lain-lain	26,166	29.4	38,002	29.5
JUMLAH	89,034	100.0	128,623	100.0

¹ Termasuk SITC 1, 5, 6, 7 dan 8

Sumber: Jabatan Perangkaan

rendah disebabkan persaingan antarabangsa yang sengit dan kapasiti pengeluaran yang berlebihan. Sebahagian besar keluaran komponen separa konduktor buatan Malaysia dieksport ke AS, UK, Jerman dan Belanda. Negara-negara ini secara keseluruhannya telah meningkatkan pembelian komponen tersebut dari Malaysia sebanyak 87% hingga menyumbang sebanyak 45.6% (Januari-Julai 1997: 37.5%) kepada jumlah eksport keluaran elektronik Malaysia. Permintaan dari rantau Asia Timur seperti Singapura, Jepun, Hong Kong SAR dan Taiwan sebaliknya, dipengaruhi oleh jualan komputer yang perlahan akibat krisis ekonomi (seperti ditunjukkan pada Jadual 6.3). Nilai eksport separa konduktor ke negara-negara Asia Timur ini telah bertambah pada kadar yang agak perlahan sebanyak 20.9% kepada RM13.3 bilion atau 41.3% daripada jumlah eksport keluaran elektronik tersebut (Januari-Julai 1997: 52.5%). Bagi eksport **peralatan dan kelengkapan elektronik** pula, nilai eksportnya telah bertambah lagi sebanyak 49% (Januari-Julai 1997: 26.6%) disebabkan nilai ringgit yang lemah dan permintaan luar negeri yang kukuh untuk komponen litar bercetak, 'resistor' dan 'switchboard'.

Nilai eksport **keluaran elektrik**, termasuk keluaran elektrik pengguna dan perkakas elektrik isirumah serta keluaran jentera dan peralatan elektrik perindustrian dan perdagangan, telah bertambah sebanyak 35.2% kepada RM27.3 bilion dalam tempoh tujuh bulan pertama 1998 (Januari-Julai 1997: -11.8%). Pertambahan ini sebahagiannya disebabkan oleh kenaikan 27.5% dalam nilai eksport **keluaran elektrik pengguna**, seperti peralatan audio-visual kepada RM11.9 bilion (Januari-Julai 1997: -17.5%). Kenaikan nilai eksport ini disokong sebahagiannya oleh tahap kapasiti pengeluaran industri tempatan yang lebih tinggi bagi perakam kaset video dan kelengkapan audio kereta. Bagi **perkakas elektrik isirumah** seperti mesin pembasuh, penyaman udara dan peti sejuk pula, peningkatan nilai eksportnya lebih ketara pada kadar 60.5% kepada RM555 juta dalam tempoh yang sama (Januari-Julai 1997: -7.3%). Peningkatan ini sebahagiannya mencerminkan usaha-usaha gigih yang dilakukan oleh pihak pekilang untuk melipatgandakan jualan eksport mereka bagi mengimbangi hasil jualan dalam negeri yang lemah di mana ianya telah mengalami penguncupan sebanyak 30% hingga 40% sejak berlakunya krisis ekonomi. Nilai eksport ini mungkin lebih tinggi lagi, jika tidak disebabkan oleh harga pasaran antarabangsa yang lebih rendah dalam nilai dolar AS akibat pasaran jualan yang lemah dari rantau Asia Timur serta lebihan kapasiti pengeluaran terutamanya di China. Kedudukan ini telah menyebabkan pengeksport tempatan terpaksa menghadapi persaingan harga keluaran elektrik pengguna dan isi rumah yang lebih kompetitif di peringkat pasaran luar negeri.

Eksport **keluaran elektrik perindustrian dan perdagangan**, meliputi jentera dan mesin pejabat, serta kelengkapan telekomunikasi, meningkat sebanyak 38.5% kepada RM8.7 bilion dalam tempoh tujuh bulan pertama 1998 (Januari-Julai 1997: 6.8%). Ini didorong oleh kenaikan 39.1% dalam hasil eksport kelengkapan telekomunikasi. Nilai eksport mesin pejabat juga meningkat tetapi pada kadar yang agak sederhana sebanyak 25.2% (Januari-Julai 1997: -8.4%) disebabkan oleh jumlah kuantiti eksport yang rendah walaupun mendapat faedah daripada kesan kejatuhan nilai ringgit. Nilai eksport jentera dan kelengkapan elektrik perindustrian, termasuk jentera dan kelengkapan janakuasa, jentera khas untuk kegunaan perindustrian, jentera pertukangan logam, serta jentera dan peralatan perindustrian am, telah kembali mencatatkan pertumbuhan yang kukuh

Jadual 6.3

**Haluan Negara Utama Bagi Eksport Spara Konduktor
(Januari-Julai)**

Negara	1997		1998		Perubahan Tahunan %
	RM juta	% sumbangan	RM juta	% sumbangan	
Amerika Syarikat	5,040	24.0	10,232	31.7	103.0
Singapura	5,568	26.5	7,171	22.2	28.8
Jepun	1,793	8.5	2,294	7.1	27.9
Taiwan	2,182	10.4	2,231	6.9	2.2
Belanda	1,151	5.5	1,728	5.4	50.1
Hong Kong SAR	1,489	7.1	1,640	5.1	10.1
Jerman	859	4.1	1569	4.9	82.3
United Kingdom	820	3.9	1195	3.7	45.7
Lain-lain	2,099	10.0	4198	13.0	100.0
JUMLAH	21,001	100.0	32,258	100.0	53.6

Sumber: Jabatan Perangkaan

pada kadar 58.9% (Januari-Julai 1997: -20.9%). Perubahan ini didorong oleh kesan campuran yang positif akibat penyusutan nilai ringgit dan peningkatan jumlah kuantiti eksport yang kukuh, terutamanya dari AS dan Eropah.

Tekstil, Pakaian dan Kasut

Eksport **industri tekstil, pakaian dan kasut** meningkat dengan mendadak sebanyak 34.5% kepada RM5.3 bilion dalam tempoh tujuh bulan pertama 1998 (Januari-Julai 1997: 0.9%) dan menyumbang sebanyak 4% kepada keseluruhan eksport barangan perkilangan. Prestasi yang menggalakan ini mencerminkan terutamanya

keuntungan penilaian semula kadar pertukaran berikutan kemerosotan nilai ringgit, walaupun beberapa pengeluar utama telah meneroka pasaran luar negeri secara agresif.

Eksport **tekstil asas** secara keseluruhannya meningkat sebanyak 33.2% kepada RM2.6 bilion (Januari-Julai 1997: 2%). Hampir semua komponen sektor kecil ini mencatatkan kadar pertumbuhan dua angka yang tinggi. Benang tekstil, merupakan komponen terbesar, meningkat sebanyak 31.9% kepada RM1.2 bilion, berbanding kejatuhan sebanyak 4.5% yang dicatatkan pada tempoh yang sama tahun 1997. Eksport keluaran kain tiruan, komponen kedua terbesar, terus meningkat sebanyak 32.4% kepada RM0.7 bilion

(Januari-Julai: 12.1%). Eksport fabrik berkait meningkat sebanyak 25.1% kepada RM0.3 bilion, berbanding kemerosotan 1.7% pada tempoh tujuh bulan pertama 1997. Nilai eksport fabrik kapas pula meningkat sebanyak 46% (Januari-Julai 1997: 6.1%).

Eksport **pakaian dan aksesori pakaian** meningkat sebanyak 38.2% kepada RM2.6 bilion pada tempoh bulan pertama 1998 (Januari-Julai 1997: 0.6%). Sebahagian besar eksport ini dituju ke pasaran AS dan EU yang menyumbang 79.5% kepada keseluruhan pasaran eksport pakaian dan aksesori pakaian Malaysia hasil daripada peningkatan sebanyak 45.8% ke atas nilai eksport pada tempoh yang sama tahun 1997. Eksport ke pasaran bukan kuota (selain dari AS, Kanada, EU, Turki dan Norway) meningkat sedikit pada kadar 2.4% kepada RM0.4 bilion. Nilai eksport yang tinggi ini didorong oleh peningkatan mendadak eksport pakaian lelaki daripada kain tidak berkait sebanyak 52.4% kepada RM0.7 bilion. Begitu juga pakaian wanita daripada kain berkait, meningkat sebanyak 42.4% kepada RM0.4 bilion sementara pakaian wanita daripada kain tidak berkait bertambah sebanyak 26.3% kepada RM0.3 bilion. Eksport aneka jenis pakaian lain meningkat dengan ketara sebanyak 36.6% kepada RM0.6 bilion dan eksport aksesori pakaian meningkat sebanyak 56.9% kepada RM149 juta. Walau bagaimanapun, eksport **kasut** meningkat dengan sederhana pada kadar 6.1% kepada RM166.4 juta berbanding

Jadual 6.4

**Eksport Tekstil, Pakaian dan Kasut
(RM juta)**

<i>Tahun</i>	<i>1997</i>	<i>1997 (Januari-Julai)</i>	<i>1998 (Januari-Julai)</i>	<i>(%) Perubahan</i>
Tekstil	3,621.3	1,919.1	2,556.4	33.2
Pakaian	3,726.7	1,876.8	2,594.6	38.2
Kasut	262.7	156.9	166.4	6.1
JUMLAH	7,610.7	3,952.8	5317.4	34.5

Sumber: Jabatan Perangkaan

Jadual 6.5

**Haluan Utama bagi Eksport
Pakaian dan Aksesori Pakaian
(RM juta)**

<i>Tahun</i>	<i>1997</i>	<i>1997 (Januari-Julai)</i>	<i>1998 (Januari-Julai)</i>	<i>(%) Perubahan</i>
Amerika Syarikat	1,701.9	802.0	1,298.9	62.0
Kesatuan Eropah	1,161.2	612.7	764.3	24.7
Hong Kong SAR	63.5	35.4	35.2	-0.6
Singapura	271.8	150.5	114.6	-23.9
Jepun	201.4	114.6	124.9	9.0
Lain-lain	329.1	161.6	256.7	58.8
JUMLAH	3,728.9	1,876.8	2,594.6	38.2

Sumber: Jabatan Perangkaan

kemerosotan 7.3% pada tempoh yang sama 1997. Ini disebabkan jumlah kuantiti eksport yang rendah berikutan pengalihan pusat pengeluaran pekilang Malaysia ke negara-negara pengeluaran kos rendah serta persaingan sengit di pasaran antarabangsa.

Keluaran Berasaskan Kayu

Eksport **keluaran berasaskan kayu** berkembang dengan perlahan pada kadar 5.1% kepada RM4.8 bilion dalam tempoh tujuh bulan pertama 1998 (Januari-Julai 1997: 12.2%), disebabkan harga pasaran antarabangsa yang rendah seiring dengan permintaan luar negeri yang lemah dan bekalan kayu balak tempatan yang terhad serta pengeluaran venir dan papan lapis tempatan yang berkurangan. Akibat daripada pengurangan eksport ini, sumbangan keluaran berasaskan kayu kepada keseluruhan eksport perkilangan telah jatuh kepada 3.6% dalam tempoh kajian yang sama (Januari-Julai 1997: 4.9%).

Sungguhpun kedudukan nilai ringgit merosot, eksport **venir dan papan lapis** yang menyumbang sebanyak 59.2% kepada keseluruhan eksport keluaran berasaskan kayu telah jatuh dengan ketara sebanyak 10.7% kepada RM2.8 bilion dalam tempoh tujuh bulan pertama 1998 (Januari-Julai 1997: +9.7%). Eksport papan lapis telah terjejas oleh bekalan yang berlebihan dan permintaan yang berkurangan. Persaingan harga antara pengeluar-pengeluar dalam keadaan permintaan pasaran-pasaran utama yang semakin berkurangan telah menyebabkan harga papan lapis jatuh melebihi 40% dalam tempoh 12 bulan yang lepas. Sungguhpun terdapat tanda-tanda menunjukkan harga kembali stabil baru-baru ini, kesan krisis ekonomi Asia sebaliknya telah mengakibatkan permintaan papan lapis di pasaran-pasaran utama berkurangan. Permintaan bagi industri perumahan di Jepun yang telah merosot sebanyak 15% pada tahun 1997 dijangkakan akan terus menguncup lagi sebanyak 20% pada tahun 1998. Permintaan dari Singapura, Taiwan, Korea Selatan dan China juga menguncup disebabkan industri perumahan mereka juga ditimpa oleh krisis kewangan serantau. Sebaliknya, eksport **perabot dan kelengkapan perabot** meningkat sebanyak 43.4% kepada RM1.5 bilion dalam tempoh tujuh bulan pertama 1998 (Januari-Julai 1997: 17.6%). Pasaran eksport utama seperti AS dan Eropah telah menyumbang kepada pertumbuhan eksport perabot ini, manakala permintaan dari Jepun telah berkurangan. Kebanyakan keluaran perabot kayu yang dieksport adalah untuk jenis pasaran berharga rendah dan dituju kepada kategori perabot siap dipasang dengan perabot buatan kayu getah semakin mendapat perhatian di pasaran luar negeri.

Nilai eksport **keluaran perkilangan kayu lain** seperti keluaran "panel" dan "moulding" meningkat sebanyak 32.3% dalam tempoh tujuh bulan pertama 1998 (Januari-Julai 1997: 19.5%). Ini mencerminkan usaha-usaha positif pengeluar-pengeluar tempatan untuk menceburi pasaran luar negeri sebagai salah satu langkah untuk menangani permintaan dalam negeri yang lemah serta mengambil peluang kesan positif nilai ringgit yang rendah untuk menambahkan nilai jualan eksport mereka.

Keluaran Berasaskan Getah

Eksport **keluaran berasaskan getah** meningkat sebanyak 59.1% kepada RM3.3 bilion dalam

tempoh tujuh bulan pertama 1998 (Januari-Julai 1997: 2%), mencerminkan kesan gabungan positif daripada nilai ringgit yang lemah, daya saing pengeluaran tempatan yang lebih tinggi serta usaha-usaha tempatan untuk merangsang eksport, terutamanya bagi mereka yang mengilang keluaran nilai ditambah yang tinggi seperti tayar. Walau bagaimanapun, prestasi eksport industri keluaran berasaskan getah masih terbatas oleh kekurangan buruh dan bahan-bahan berasaskan susu getah. Sejajar dengan prestasi eksport industri keluaran berasaskan getah yang menggalakkan, sumbangannya kepada keseluruhan eksport perkilangan telah meningkat kepada 2.5% berbanding dengan 2.3% dalam tempoh masa yang sama 1997.

Dalam tempoh tujuh bulan pertama 1998, nilai eksport **sarung tangan getah** (termasuk pembedahan dan bukan pembedahan) yang menyumbangkan sebanyak 70.8% kepada keseluruhan eksport keluaran berasaskan getah telah meningkat dengan tinggi sebanyak 59.2% dengan nilai sebanyak RM2.4 bilion (Januari-Julai 1997: 0.8%). Prestasi eksport yang baik ini didorong oleh eksport ke pasaran-pasaran tradisi seperti AS, UK dan Jerman serta keuntungan yang diperolehi daripada harga eksport dalam nilai ringgit yang lebih tinggi. Kira-kira 40% hingga 50% sarung tangan getah Malaysia telah dipasarkan ke AS, menjadikannya sebagai pengguna terbesar dengan diikuti oleh negara-negara Eropah. Oleh yang demikian, harga eksport sarung tangan getah telah meningkat dengan ketara sebanyak 67% dalam tempoh yang sama. Walau bagaimanapun, jumlah eksport telah jatuh sebanyak 5.1% daripada 5.9 juta pasang kepada 5.6 juta pasang disebabkan ketidakupayaan industri sarung tangan tempatan untuk meningkatkan tahap pengeluarannya bagi menampung permintaan dunia yang tinggi akibat kekurangan buruh dan bahan-bahan susu getah. Jumlah kuantiti eksport yang lebih rendah ini juga disebabkan oleh kurang pembelian dari Jepun dan Korea Selatan yang dilanda oleh krisis kewangan Asia.

Eksport **tayar dan tiub** meningkat mendadak sebanyak 100.5% dalam tempoh tujuh bulan pertama 1998 (Januari-Julai 1997: -9.4%) disebabkan usaha-usaha gigih pengeluar tempatan untuk menambahkan jualan eksport mereka bagi mengimbangi permintaan dalam negeri yang lemah. Usaha-usaha ini juga didorong oleh nilai ringgit yang rendah yang membolehkan pengeluar

tempatan untuk mempertingkatkan bahagian pasaran antarabangsa mereka. Eksport **artikel getah** meningkat tinggi sebanyak 95.1% dalam tempoh kajian (Januari-Julai 1997: 6.9%) disebabkan permintaan luar negeri yang menggalakkan dan nilai ringgit yang rendah.

Makanan, Minuman dan Tembakau

Eksport **keluaran makanan, minuman dan tembakau** sebagai satu kumpulan telah mencatat pertambahan yang kukuh sebanyak 47.4% kepada RM3.1 bilion dalam tempoh tujuh bulan pertama 1998 (Januari-Julai 1997: -3.3%). Prestasi yang menggalakkan ini didorong terutamanya oleh hasil eksport yang tinggi berpunca daripada kesan kejatuhan nilai ringgit dan peningkatan permintaan tembakau dari pasaran luar negeri.

Eksport **keluaran makanan**, menyumbang sebahagian besar (82%) daripada keseluruhan eksport keluaran makanan, minuman dan tembakau, meningkat sebanyak 45.6% kepada RM2.6 bilion dalam tempoh tujuh bulan pertama 1998 (Januari-Julai 1997: -5.3%). Permintaan luar negeri bagi item makanan seperti marjerin serta makanan laut krustasia dan moluska yang segar dan yang didinginkan telah membantu meningkatkan keseluruhan prestasi eksport keluaran makanan. Eksport makanan laut krustasia dan moluska segar dan yang didinginkan telah meningkat sebanyak 71.8% manakala eksport majerin meningkat sebanyak 72.8% dalam tempoh yang sama. Keluaran makanan lain yang turut menyumbangkan kepada kadar pertumbuhan eksport yang tinggi ialah keluaran koko dengan nilai eksportnya meningkat sebanyak 40.3% dan keluaran rempah, sebanyak 81.2%. Peningkatan pendapatan eksport bagi keluaran makanan ini juga disebabkan oleh nilai ringgit yang rendah.

Eksport **keluaran tembakau** dalam nilai ringgit telah meningkat sebanyak 70% kepada RM379 juta dalam tujuh bulan pertama 1998 (Januari-Julai 1997: 17.9%). Ini didorong oleh peningkatan permintaan bagi keluaran tembakau dari rantau Asia Timur, termasuk Hong Kong SAR dan Singapura. Nilai eksport **keluaran minuman** juga meningkat sungguhpun pada kadar yang agak perlahan sebanyak 33.7% (Januari-Julai 1997: -5.6%), disebabkan oleh nilai ringgit yang rendah.

Keluaran Petroleum

Jumlah hasil eksport **keluaran petroleum**, meliputi keluaran petroleum ditapis (gasolin, minyak bahanapi, diesel dan minyak tanah), sisa keluaran petroleum, propana dan butana cecair serta gas petroleum dan gas-gas hidrokarbon lain, meningkat pada kadar yang lebih perlahan sebanyak 1.5% kepada RM2 bilion dalam tujuh bulan pertama 1998 (Januari-Julai 1997: 2.5%). Pertambahan hasil eksport yang perlahan ini didorong oleh eksport keluaran petroleum bertapis yang meningkat sedikit pada kadar 1.5% dan menyumbang hampir 75% kepada keseluruhan eksport keluaran petroleum. Peningkatan eksport yang lemah ini disebabkan eksport sisa keluaran petroleum yang merosot sebanyak 83.6% serta eksport propana dan butana cecair yang meningkat hanya 0.3% sahaja. Walau bagaimanapun, kemerosotan hasil eksport ini telah diimbangi oleh peningkatan ketara untuk 25.2% eksport gas petroleum dan gas-gas hidrokarbon lain kepada RM264 juta. Jumlah hasil eksport industri keluaran petroleum yang secara keseluruhan agak rendah ini disebabkan penguncupan aktiviti pengeluaran dalam negeri sebanyak 11.1% serta kelembapan permintaan luar dari negara-negara Asia Timur yang dilanda krisis kewangan.

Kimia, Keluaran Kimia dan Plastik

Eksport **kimia, keluaran kimia dan plastik** mencatatkan peningkatan sebanyak 43.4% kepada RM7 bilion dalam tempoh tujuh bulan pertama 1998 (Januari-Julai: + 17.7%). Pertambahan hasil eksport yang kukuh ini didorong oleh eksport keluaran kimia asas bukan organik yang meningkat sebanyak 71.8% kepada RM179.4 juta, keluaran pencelupan, penyemakan dan bahan-bahan pewarnaan lain sebanyak 59.4% kepada RM374.8 juta, keluaran minyak pati, minyak wangi, sabun dan sediaan mencuci sebanyak 59.3% kepada RM508.3 juta, keluaran ubat-ubatan sebanyak 57.2% kepada RM159.8 juta, dan keluaran kimia asas organik sebanyak 47.2% kepada RM1.6 bilion. Walau bagaimanapun, eksport keluaran baja merosot sebanyak 7.4% kepada RM155 juta disebabkan peningkatan penggunaan tempatan. Bagi keluaran plastik, hasil eksport bahan plastik berbentuk utama bertambah sebanyak 58.9% manakala bahan plastik bukan berbentuk utama meningkat sebanyak 42.1%. Singapura, Hong Kong, AS, Jepun dan Taiwan serta Belanda masih

merupakan destinasi utama bagi eksport kimia, keluaran kimia dan plastik serta menyumbang 88% kepada keseluruhan nilai eksport keluaran berkenaan dalam tempoh kajian.

Keluaran Galian Bukan Logam

Nilai eksport **keluaran galian bukan logam** telah kembali mencatat peningkatan sebanyak 19.6% kepada RM1.2 bilion dalam tempoh tujuh bulan pertama 1998 (Januari-Julai 1997: -1.2%). Kedudukan ini mencerminkan kesan usaha pemasaran luar negeri yang bersungguh-sungguh dengan tujuan untuk mengimbangi permintaan dalam negeri yang berkurangan. Perubahan arah aliran hasil eksport ini didorong oleh peningkatan eksport **kapur, simen dan bahan binaan refraktori** sebanyak 134% kepada RM84.3 juta dalam tempoh tujuh bulan pertama 1998 (Januari-Julai 1997: -8.1%). Sementara industri keluaran ini teruk terjejas oleh jualan pasaran dalam negeri yang kekurangan, nilai ringgit yang rendah telah membantu meningkatkan hasil eksport. Lebihan kapasiti dalam pengeluaran simen pula telah memaksa pekilang-pekilang simen untuk meneroka pasaran eksport secara agresif bukan sahaja ke destinasi utama seperti Singapura tetapi juga Fiji, Mauritius dan Bangladesh. Jumlah kuantiti eksport simen dijangka mencapai 4 juta tan metrik dalam tahun 1998.

Nilai eksport **perkilangan galian bahan tanah liat dan bahan refraktori dan tembikar** meningkat sebanyak 14.4% kepada RM475 juta dalam tempoh tujuh bulan pertama 1998 (Januari-Julai 1997: -24.7%), disebabkan oleh penyusutan nilai ringgit. Pertambahan ini didorong oleh eksport tembikar yang meningkat dengan ketara sebanyak 40.3% kepada RM108 juta (Januari-Julai 1997: 5.2%) bagi memenuhi permintaan pasaran luar negeri terutamanya AS dan Eropah. Bagi keluaran bahan tanah liat dan bahan binaan refraktori, nilai eksportnya telah meningkat sebanyak 26.5% kepada RM138 juta (Januari-Julai 1997: 7.3%). Walau bagaimanapun, nilai eksport keluaran perkilangan galian menurun sedikit pada kadar 0.1% (Januari-Julai 1997: -39.2%) disebabkan permintaan yang lemah. Sungguhpun demikian, nilai eksport **kaca dan keluaran kaca** yang menyumbangkan 49.7% kepada keseluruhan eksport keluaran galian bukan logam terus meningkat sebanyak 29.1% kepada RM524 juta dalam tempoh tujuh bulan pertama 1998 (Januari-

Julai 1997: 47.4%). Eksport kaca telah meningkat secara sederhana sebanyak 41.8% kepada RM387 juta (Januari-Julai 1997: 63.7%), disebabkan permintaan luar negeri yang perlahan. Eksport keluaran kaca bagaimanapun, telah meningkat kecil sebanyak 3% dalam tempoh tujuh bulan pertama 1998 (Januari-Julai 1997: 22.4%) disebabkan kejatuhan permintaan dari Jepun dan Korea Selatan akibat masalah ekonomi yang dihadapi oleh negara-negara tersebut.

Keluaran Besi, Keluli dan Logam

Usaha gigih untuk menceburi pasaran eksport dalam menghadapi pengurangan permintaan dalam negeri telah mendorong pengeluar-pengeluar meningkatkan hasil eksport **keluaran besi, keluli dan logam** sebanyak 73.8% dalam tempoh tujuh bulan pertama 1998 (Januari-Julai 1997: -2.2%). **Keluaran besi dan keluli** seperti jongkong, tiub dan paip, batang besi dan keluli, dan keluaran besi gelek rata merupakan penyumbang utama kepada keseluruhan pertumbuhan eksport industri yang kukuh ini. Eksport keluaran ini telah meningkat semula pada kadar 150.9% dalam tempoh tujuh bulan pertama 1998 (Januari-Julai 1997: -30.9%). Keadaan ini berbeza bagi tempoh tujuh bulan pertama 1997, di mana permintaan dalam negeri melebihi pengeluaran akibat keadaan industri pembinaan yang menggalakkan. Peningkatan permintaan pasaran dalam negeri pada masa itu telah menghadkan kapasiti industri untuk tujuan eksport. Walau bagaimanapun, dalam keadaan permintaan pasaran dalam negeri yang lemah sekarang, pihak pengeluar terpaksa menggunakan lebihan kapasiti ini untuk pasaran eksport.

Eksport **keluaran logam bukan ferum** melonjak sebanyak 54.8% kepada RM1.4 bilion dalam tempoh tujuh bulan pertama 1998 (Januari-Julai 1997: 9.8%). Ini disebabkan oleh peningkatan permintaan pasaran luar negeri yang kukuh bagi keluaran logam bukan ferum serta tembaga dan aluminium, bertambah dengan ketara antara 19.5% hingga 147.4% dalam tempoh kajian. Eksport **keluaran logam yang direka** juga meningkat sebanyak 44.4% kepada RM1.8 bilion dalam tempoh tujuh bulan pertama 1998 (Januari-Julai 1997: -0.5%), disebabkan sebahagian besarnya oleh hasil eksport yang lebih tinggi daripada jenis perkilangan keluaran logam asas dan keluaran-keluaran struktur besi, keluli dan aluminium lain.

Kelengkapan pengangkutan

Dalam tempoh tujuh bulan pertama 1998, eksport **kelengkapan pengangkutan** meningkat dengan ketara sebanyak 56.5% (Januari-Julai 1997: 11.5%) kepada RM4.3 bilion dan menyumbang 3.2% kepada keseluruhan eksport barangan perkilangan (Januari-Julai 1997: 2.9%). Jumlah terimaan eksport yang tinggi daripada kelengkapan pengangkutan didorong terutamanya oleh kesan kemerosotan ringgit ke atas nilai eksport. Pertambahan nilai eksport yang kukuh ini dicatat bagi kedua-dua sektor kecil kenderaan jalanraya dan pengangkutan lain. Eksport sektor kecil kenderaan jalanraya, termasuk alat ganti dan aksesori, meningkat sebanyak 50.9% kepada RM1.3 bilion berbanding kenaikan sebanyak 5.7% atau RM832 juta yang dicatatkan pada tempoh yang sama tahun 1997. Ini disebabkan peningkatan 47.2% dalam nilai eksport kenderaan kereta penumpang, motosikal sebanyak 23.6% serta trailer dan pengangkutan kontena sebanyak 44.3%. Begitu juga dengan nilai eksport pengangkutan lain, meningkat sebanyak 59% kepada RM3 bilion (Januari-Julai 1997: -17.4%) yang didorong oleh peningkatan eksport pesawat udara dan kelengkapan berkaitan sebanyak 94% (Januari-Julai 1997: 35.9%). Dari segi jumlah kuantiti eksport, eksport kereta nasional, PROTON menguncup sebanyak 15.4% kepada 13,110 unit (Januari-Julai 1997: 1,549 unit). Pasaran utama bagi kereta PROTON ialah UK dan diikuti oleh Jerman dan Australia. Eksport kenderaan PERODUA bagaimanapun, meningkat dengan mendadak sebanyak 195.3% kepada 1,060 unit berbanding 359 unit yang dieksport pada tempoh yang sama tahun 1997. Kenderaan PERODUA kebanyakannya dieksport ke UK, Singapura dan Mesir.

Keluaran Perkilangan Lain

Eksport **keluaran perkilangan lain**, termasuk peralatan seni foto, peralatan profesional dan saintifik, kertas dan palpa, barangan kulit, peralatan muzik, jam, alat permainan dan sukan, barang kemas serta pelbagai barangan lain, meningkat sebanyak 45.7% (Januari-Julai 1997: -8.6%) dalam tempoh tujuh bulan pertama 1998. Pertambahan hasil eksport yang kukuh ini didorong oleh peningkatan jumlah terimaan eksport yang ketara daripada keluaran-keluaran peralatan seni foto (92.8%), peralatan ukur (33.1%), jam (30.6%) dan barang kemas (28.5%).

Eksport Barangan Utama

Pendapatan eksport daripada komoditi utama dijangka meningkat sebanyak 20.7% kepada RM41,744.6 juta (1997: 7.6%). Bagi **sektor pertanian**, pendapatan eksport dijangka bertambah sebanyak 26.6% kepada RM25,689.5 juta (1997: RM20,297.8 juta). Ini terutamanya berpunca daripada nilai export yang tinggi bagi minyak kelapa sawit, minyak isirong kelapa sawit dan lada hitam, didorong oleh harga eksport yang tinggi berikutan penyusutan ringgit. Pendapatan eksport daripada **sektor perlombongan** juga dijangka meningkat sebanyak 12.3% kepada RM16,055.1 juta (1997: 14.5%), sebahagian besar pendapatan ini datang daripada gas asli cecair (51% daripada jumlah nilai eksport), diikuti petroleum mentah (45.2%) dan timah (3.8%).


Minyak Kelapa Sawit dan Minyak Isirong Kelapa Sawit

Pendapatan eksport **minyak kelapa sawit** (termasuk minyak kelapa sawit mentah dan diproses serta minyak sawit sterin) meningkat dengan mendadak sebanyak 69.1% dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1998 kepada RM9,564.9 juta berbanding dengan RM5,656.5 juta yang dicatatkan dalam tempoh yang sama tahun 1997, meskipun terdapat penurunan dalam jumlah eksport sebanyak 2.2% kepada 4.16 juta tan metrik. Prestasi yang memberangsangkan ini berpunca daripada peningkatan 72.9% dalam nilai seunit eksport minyak kelapa sawit kepada purata RM2,301 setiap tan metrik dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1998 (Januari – Julai 1997: RM1,331 setiap tan metrik) ekoran daripada penyusutan ringgit. Dengan ringgit ditetapkan pada kadar RM1=AS\$0.2632 mulai 2 September 1998, adalah dijangkakan bagi keseluruhan tahun 1998, pendapatan eksport minyak kelapa sawit akan meningkat sebanyak 52.2% kepada RM16,457.5 juta (1997: RM10,809.8 juta).

Harga purata minyak kelapa sawit bagi hantaran tempatan untuk suku pertama tahun 1998 ialah pada RM2,326.50 setiap tan metrik atau 77% lebih tinggi daripada suku tahun pertama tahun 1997 (Januari- Mac 1997: RM1,314.50 setiap tan metrik). Harga dalam suku tahun pertama ini telah

Carta 6.2

Minyak Kelapa Sawit - Eksport dan Harga



dipengaruhi oleh pergerakan ringgit berbanding dolar AS dan juga berita mengenai pengharaman sementara pengeksporan minyak kelapa sawit daripada Indonesia. Trend yang meningkat ini berlanjutan hingga suku tahun kedua, dengan harga purata bagi hantaran tempatan meningkat sebanyak 88.3% daripada suku kedua tahun lalu kepada RM2,400.72 setiap tan metrik (April – June 1997: RM1,276 setiap tan metrik). Harga yang menarik ini sebahagiannya ekoran daripada jangkaan penawaran yang ketat, pengharaman selanjutnya pengeksporan minyak kelapa sawit dan duti eksport yang lebih tinggi bagi komoditi tersebut yang dikenakan oleh pihak berkuasa Indonesia. Pergerakan ringgit berbanding dolar AS menaikkan harga eksport minyak kelapa sawit dalam nilai ringgit bagi tempoh tersebut. Persaingan harga minyak kelapa sawit juga menyumbang kepada harga yang mantap. Dalam separuh tahun pertama 1998, perbezaan harga minyak kelapa sawit mentah berbanding dengan minyak kacang soya ialah AS\$17.50 setan metrik sementara dengan minyak biji sawi AS\$14.00 setan metrik.


Perbezaan bagi tempoh setengah tahun pertama tahun 1997 ialah AS\$20.00 (minyak kacang soya) dan AS\$18.00 (minyak biji sawi). Dalam suku ketiga, harga purata penghantaran tempatan minyak kelapa sawit ialah pada RM2,472 setiap tan metrik atau 95.1% lebih tinggi berbanding dengan harga purata RM1,267 setiap tan metrik dalam tempoh yang sama tahun 1997. Anggaran yang memberangsangkan ini berdasarkan kepada peningkatan duti eksport minyak kelapa sawit oleh Indonesia sejak April 1998 dan berita mengenai *State Trading Corporation* negara India ingin membeli 6,000 tan metrik minyak olein RBD. Bagi suku tahun keempat, purata harga minyak mentah kelapa sawit (bagi hantaran tempatan) dijangka menurun sedikit kepada RM2,460 setiap tan metrik. Walau bagaimanapun, harga ini masih meningkat sebanyak 43.6% berbanding dengan tempoh yang sama tahun 1997 (Oktober – Disember 1997: RM1,712.50 setiap tan metrik). Ini adalah disebabkan sebahagiannya oleh kekukuhan kadar pertukaran ringgit, ekoran penentapan kadar pertukaran pada RM1=AS\$0.2632 pada 2hb. September 1998. Bagi keseluruhan tahun 1998, harga minyak kelapa sawit (bagi hantaran tempatan) dijangka meningkat sebanyak 73.5% kepada purata RM2,415.50 setiap tan metrik (1997: RM1,392.42 setiap tan metrik).

Selari dengan prestasi minyak kelapa sawit, pendapatan daripada **minyak isirong kelapa sawit** dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1998 meningkat sebanyak 63.1% kepada RM822.6 juta (Januari-Julai 1997: RM504.4 juta) daripada jumlah eksport sebanyak 299,474 juta tan metrik (Januari-Julai 1997: 264,117 tan metrik). Peningkatan dalam pendapatan eksport, sebahagian besarnya, disebabkan peningkatan 43.8% dalam seunit harga eksport sebanyak RM2,746.80 setan metrik (Januari-Julai 1997: RM1,909.70 setiap tan metrik) ekoran permintaan yang memberangsangkan daripada negara China, Mesir, Afrika Selatan, Turki dan Amerika Syarikat. Dengan permintaan yang menggalakkan, adalah dijangkakan bagi keseluruhan tahun 1998, nilai eksport dijangka meningkat sebanyak 38.8% kepada RM1,356.9 juta (1997: RM977.7 juta).

Kayu Kayan


Dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1998, pendapatan eksport daripada **kayu balak** merosot sebanyak 19.8% kepada RM1,051.0 juta (Januari-Julai 1997: RM1,310.4 juta) daripada jumlah eksport

Carta 6.3
Kayu Gergaji dan Kayu Balak - Eksport dan Harga



sebanyak 3.09 juta meter padu (Januari-Julai 1997: 3.72 juta meter padu). Pendapatan eksport yang rendah ini disebabkan permintaan yang perlahan daripada pasaran tradisi negara Thailand, Korea Selatan dan Jepun yang dilanda kemelesetan ekonomi. Pendapatan eksport daripada **kayu gergaji** juga turut mengalami trend yang sama tetapi kurang teruk. Bagi tujuh bulan pertama tahun 1998, pendapatan daripada produk ini merosot sebanyak 8.7% kepada RM1,472.1 juta (Januari-Julai 1997: RM1,611.6 juta) manakala jumlah eksport merosot sebanyak 17.6% kepada 1.54 juta meter padu (Januari-Julai 1997: 1.87 juta meter padu). Adalah dijangkakan bagi keseluruhan tahun 1998, pendapatan eksport daripada kayu balak akan merosot sebanyak 26.6% kepada RM1,720.9 juta, manakala kayu gergaji dijangka merosot sebanyak 7.8% kepada RM2,565.0 juta. Kemerosotan dalam pendapatan ini adalah disebabkan kemerosotan 21.2% dalam jumlah eksport kayu balak kepada 5.04 juta meter padu (1997: 6.40 juta meter padu) dan 12.2% kemerosotan dalam eksport kayu gergaji kepada 2.70 juta meter padu (1997: 3.08 juta meter padu).

Carta 6.4
Getah - Eksport dan Harga



Getah

Dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1998, pendapatan eksport daripada getah meningkat sebanyak 7.7% kepada RM1,799.0 juta (Januari-Julai 1997: RM1,671.1 juta). Ini didorong oleh peningkatan sebanyak 9.1% dalam jumlah eksport kepada 0.60 juta tan metrik (Januari-Julai 1997: 0.55 juta tan metrik) yang dapat mengimbangi penurunan sebanyak 1.3% dalam nilai seunit eksport kepada 301 sen sekilogram.

Harga purata gred Getah Asap Berbunga 1 (G.A.B.1) meningkat sebanyak 2.3% kepada 291.53 sen sekilogram dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1998, daripada 285.08 sen sekilogram yang dicatatkan dalam tempoh yang sama tahun 1997. Begitu juga, Getah Mutu Malaysia 20 (G.M.M.20) mencatatkan peningkatan harga dalam tempoh yang sama, iaitu sebanyak 3% kepada 282.77 sen sekilogram (Januari-Julai 1997: 274.48 sen sekilogram).

Dalam tempoh setengah tahun pertama tahun 1998, harga getah berlegar antara 277 sen sekilogram dan 313 sen sekilogram, dipengaruhi oleh pergerakan kadar pertukaran asing ringgit, keadaan penawaran dan perkembangan politik di Indonesia. Dalam bulan Januari 1998, harga G.A.B.1 meningkat sebanyak 8% kepada 293.37 sen sekilogram disebabkan, terutamanya, oleh kesan daripada penyusutan ringgit keatas harga eksport. Faktor-faktor lain yang menyumbang kepada peningkatan dalam bulan Januari termasuk aktiviti jualan singkat oleh pembeli Asia dan Eropah, susutan stok disebabkan musim hujan dan kebakaran di Hadyai, Thailand yang memusnahkan antara 38,000 tan metrik dan 40,000 tan metrik getah. Walau bagaimanapun, dalam bulan Februari dan Mac harga getah lemah oleh kerana permintaan yang perlahan dan pengukuhan ringgit. Menjelang April, bagaimanapun, harga bertambah baik, disebabkan oleh nilai ringgit yang lemah, aktiviti jualan singkat, sentimen pasaran getah di Jepun bertambah baik dan penawaran yang rendah kerana musim luruh. Mulai dari itu, keadaan pasaran getah stabil sehingga kekacauan politik di Indonesia pada akhir Mei. Keadaan tersebut memaksa penjual di Indonesia menjual Getah Standard Indonesia 20 (SIR 20) pada paras harga yang rendah kepada pembeli yang boleh menyediakan kemudahan perkapalan untuk eksport. Ini memberi tekanan ke atas harga getah memandangkan sejumlah besar getah terkumpul dalam tempoh tersebut sementara permintaan adalah lemah.

Dalam suku tahun ketiga tahun ini, harga purata G.A.B.1 berkisar antara 280 hingga 290 sen sekilogram memandangkan asas pasaran kekal lemah. Dari segi pengeksportan getah mengikut gred, bagi tujuh bulan pertama 1998, Getah Mutu Malaysia terus menjadi gred getah utama yang dieksport, merangkumi 83.9% daripada jumlah getah yang dieksport diikuti oleh susu getah yang terurus, 8.8% dan selebihnya ialah Getah Asap Berbunga (G.A.B.), 3.9% dan lain-lain bentuk getah, 3.4%.

Bagi keseluruhan tahun 1998, pendapatan eksport daripada getah dianggarkan meningkat sebanyak 4.9% kepada RM3,114.8 juta (1997: RM2,970.6 juta), disokong oleh peningkatan sederhana dalam harga dan jumlah eksport. Bagi keseluruhan tahun, purata harga getah bagi G.A.B.1 dalam tahun 1998 dijangka pada purata 280 sen sekilogram, manakala, harga purata bagi

G.M.M.20 ialah pada paras 270 sen sekilogram. Ini disebabkan 5.5% dalam nilai seunit eksport dalam tahun berkenaan kepada 307.8 sen sekilogram (1997: 291.7 sen sekilogram). Jumlah eksport, bagaimanapun dianggarkan menurun sebanyak 0.6% kepada 1.012 juta tan metrik (1997: 1.018 juta tan metrik).

Komoditi-komoditi Pertanian Lain

Dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun ini, penerimaan nilai eksport daripada **biji koko** merosot sebanyak 20% kepada RM61 juta (Januari-Julai 1997: RM76.3 juta). Ini terutamanya disebabkan oleh jumlah eksport yang rendah, merosot sebanyak 53.7% kepada 10,377 tan metrik ekor daripada kesan kemarau yang dibawa oleh fenomena *El Nino* yang menjejaskan pengeluaran biji koko terutama di Sabah, negeri utama pengeluaran koko. Nilai seunit eksport koko dalam tujuh bulan pertama 1998, sebaliknya, meningkat dengan ketara sebanyak 72.7% kepada RM5,879 setiap tan metrik (Januari-Julai 1997: RM3,404 setiap tan metrik) disebabkan kesan penyusutan ringgit keatas harga eksport dan juga keadaan penawaran yang ketat. Pendapatan eksport daripada biji koko dianggarkan merosot sebanyak 20.8% kepada RM90.4 juta bagi keseluruhan tahun 1998 (1997: RM114.1 juta). Ini berdasarkan 51.6% penurunan dalam jumlah eksport kepada 15,000 tan metrik dan juga peningkatan 63.7% dalam nilai eksport seunit kepada RM6,027 setiap tan metrik. Nilai seunit eksport yang lebih tinggi ini mencerminkan peningkatan permintaan dunia bagi biji koko disebabkan oleh keadaan penawaran yang ketat.

Pendapatan eksport daripada **lada hitam** bagi tujuh bulan pertama tahun ini meningkat sebanyak 85.1% kepada RM199.4 juta (Januari-Julai 1997: RM107.7 juta). Ini disebabkan kenaikan 128.1% dalam nilai seunit eksport kepada RM19,479.50 setiap tan metrik dalam tempoh tersebut (Januari-Julai 1997: RM8,538.40 setiap tan metrik), mencerminkan permintaan yang kukuh dalam keadaan penawaran yang ketat. Bagi keseluruhan tahun 1998, eksport lada hitam dijangka meningkat sebanyak 28.4% kepada RM384.0 juta (1997: RM299.1 juta) diiringi sebanyak 63.7% peningkatan dalam nilai seunit eksport kepada RM19,200 setiap tan metrik (1997: RM11,729 setiap tan metrik). Jumlah eksport, bagaimanapun, dijangka merosot sebanyak 21.6% kepada 20,000 tan metrik dalam tahun 1998 (1997: 25,515 tan metrik).

Jadual 6.6
Eksport Komoditi-komoditi Utama

	1998 ^a	% Perubahan	1998 Januari-Julai	% Perubahan
Minyak kelapa sawit¹				
Jumlah ('000 tan metrik)	7,250	-4.7	4,156.3	-2.2
Nilai seunit (RM/tan metrik)	2,270	59.8	2,301.3	72.9
Nilai (RM juta)	16,457.5	52.2	9,564.9	69.1
Minyak isirong kelapa sawit				
Jumlah ('000 tan metrik)	499	2.5	299.5	13.4
Nilai seunit (RM/tan metrik)	2,719	35.5	2,746.8	43.8
Nilai (RM juta)	1,356.9	38.8	822.6	63.1
Kayu balak				
Jumlah ('000 meter padu)	5,040	-21.2	3,094	-16.8
Nilai seunit (RM/meter padu)	341	-6.9	339.7	-3.6
Nilai (RM juta)	1,720.9	-26.6	1,051.0	-19.8
Kayu gergaji				
Jumlah ('000 meter padu)	2,700	-12.2	1,544	-17.6
Nilai seunit (RM/meter padu)	950	5.1	953.4	10.9
Nilai (RM juta)	2,565.0	-7.8	1,472.1	-8.7
Getah				
Jumlah ('000 tan metrik)	1,012	-0.6	597.3	9.1
Nilai seunit (RM/tan metrik)	307.8	5.5	301.2	-1.3
Nilai (RM juta)	3,114.8	4.9	1,799.0	7.7
Lada hitam				
Jumlah ('000 tan metrik)	20.0	-21.6	10.2	-18.9
Nilai seunit (RM/tan metrik)	19,200.0	63.7	19,479.5	128.1
Nilai (RM juta)	384.0	28.4	199.4	85.1
Koko				
Jumlah ('000 tan metrik)	15.0	-51.6	10.4	-53.7
Nilai seunit (RM/tan metrik)	6,027	63.7	5,879.3	72.7
Nilai (RM juta)	90.4	-20.8	61.0	-20.0
Petroleum mentah				
Jumlah ('000 tan metrik)	16,602.7	4.6	10,381	17.6
Nilai seunit (RM/tan metrik)	437.3	-1.8	438.7	3.0
Nilai (RM juta)	7,260.6	2.7	4,554.2	21.1
Gas asli cecair (LNG)				
Jumlah ('000 tan metrik)	15,210	-0.6	8,630	-5.3
Nilai seunit (RM/tan metrik)	538.2	22.0	571.7	36.7
Nilai (RM juta)	8,185.9	21.2	4,933.8	29.5
Timah				
Jumlah ('000 tan metrik)	28.8	-9.4	14.8	-23.4
Nilai seunit (RM/tan metrik)	21,132	40.3	21,483	49.1
Nilai (RM juta)	608.6	27.0	318.4	14.3
Jumlah Besar	41,744.6	20.7	24,776.4	31.9

¹ Termasuk minyak kelapa sawit mentah, minyak kelapa sawit yang diproses dan minyak kelapa sawit sterin.


^a Anggaran

Sumber: Jabatan Perangkaan

Dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1998, nilai eksport **petroleum mentah** meningkat sebanyak 21.1% kepada RM4,554.2 juta berbanding RM3,759.3 juta yang dicatatkan dalam tempoh yang sama tahun 1997. Ini disebabkan peningkatan 17.6% dalam jumlah eksport kepada 10.38 juta tan metrik (Januari-Julai 1997: 8.83 juta tan metrik). Meskipun ringgit susut sebanyak 38.1% berbanding dolar AS dalam tempoh tersebut, nilai seunit eksport meningkat hanya sebanyak 3% kepada RM438.7 setiap tan metrik (Januari-Julai 1997: RM426 setiap tan metrik). Ini disebabkan kemerosotan dalam harga minyak dunia dalam dolar AS. Dalam sembilan bulan pertama tahun 1998, harga purata petroleum mentah (harga merujuk kepada harga North Sea Brent) jatuh sebanyak 29% kepada AS\$13.83 setiap tong (Januari-September 1997: AS\$19.48 setiap tong).

Selari dengan harga petroleum mentah dunia, harga purata pasaran (HPW) berdasarkan kepada semua petroleum mentah Malaysia merosot sebanyak 32.4% dalam suku pertama tahun 1998 kepada AS\$16.24 setiap tong (S1, 1997: AS\$24.02 setiap tong). Penurunan ini disebabkan oleh pengeluaran berlebihan daripada pertubuhan negara-negara pengeluar minyak (OPEC), program minyak-untuk-makanan Iraq yang baru, permintaan yang lemah terutama daripada negara-negara Asia yang menghadapi krisis ekonomi dan juga musim sejuk yang sederhana dan singkat. Dalam suku kedua pula, harga menurun lagi kepada AS\$13.67 setiap tong (S2, 1997: AS\$21.27 setiap tong). Ini disebabkan permintaan yang perlahan daripada Eropah memandangkan loji penapisan mereka meningkatkan program penyelenggaraan. Harga yang rendah ini memberi peluang kepada negara-negara pengguna menambah stok petroleum mentah mereka. Oleh itu, stok minyak dunia meningkat kepada 2.4 juta tong sehari dalam tempoh suku kedua tahun 1998. Dalam suku ketiga, bagaimanapun, harga petroleum mentah meningkat kepada purata 3.7% kepada AS\$14.17 setong daripada harga suku kedua, didorong oleh permintaan yang kukuh daripada Amerika Syarikat, Eropah dan negara-negara lain yang bersedia untuk menghadapi musim sejuk yang akan datang. Dalam suku keempat, harga dijangka meningkat

Carta 6.5
Petroleum Mentah - Eksport dan Harga



sebanyak 4.1% kepada AS\$14.75 setong bagi berikutan permintaan bermusim yang dijangka tinggi bagi bahan api untuk musim sejuk. Bagi keseluruhan tahun 1998, harga purata wajaran petroleum mentah dijangka merosot sebanyak 30.1% kepada AS\$14.70 setong (1997: AS\$21.02 setong), walaupun dalam ringgit Malaysia, ia dijangka merosot sebanyak 1.8% kepada RM437 setiap tan metrik kesan daripada susutan ringgit keatas harga eksport dengan jumlah eksport dijangka meningkat sebanyak 4.6% kepada 16.60 juta tan metrik, pendapatan petroleum mentah dijangka meningkat sebanyak 2.7% dalam tahun 1998 kepada RM7,260.6 juta (1997: RM7,068.6 juta daripada 15.87 juta tan metrik yang dieksport).

Dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1998, pendapatan eksport daripada **gas asli cecair (LNG)** mencatatkan peningkatan sebanyak 29.5% kepada RM4,933.8 juta (Januari-Julai 1997: RM3,810.2 juta). Ini merujuk kepada peningkatan 36.7% dalam nilai seunit eksport kepada RM571.7 setiap tan


metrik, berbanding dengan RM418.2 setiap tan metrik yang dicatatkan dalam tempoh yang sama tahun 1997. Jumlah eksport LNG, bagaimanapun, merosot sebanyak 5.3% kepada 8.63 juta tan metrik (Januari-Julai 1997: 9.11 juta tan metrik). Kemerosotan dalam jumlah eksport disebabkan permintaan yang kurang daripada Korea Selatan memandangkan negara tersebut menghadapi kegawatan ekonomi. Bagi keseluruhan tahun 1998, pendapatan yang diterima daripada eksport LNG dijangka meningkat sebanyak 21.2% kepada RM8,185.9 juta (1997: RM6,752 juta) didorong oleh nilai seunit eksport yang tinggi disebabkan kesan susutan ringgit keatas harga eksport.

Timah

Pendapatan yang diterima daripada eksport **timah** dalam tujuh bulan pertama tahun 1998 meningkat sebanyak 14.3% kepada RM318.4 juta (Januari-Julai 1997: RM278.6 juta) ekoran daripada peningkatan 49.1% dalam nilai seunit eksport kepada RM21.48 sekilogram (Januari-Julai 1997: RM14.41 sekilogram). Harga purata timah di Pasaran Timah Kuala Lumpur (PTKL) dalam sembilan bulan pertama tahun ini meningkat sebanyak 46.4% kepada RM21.66 sekilogram (Januari-September 1997: RM14.80 sekilogram), mencerminkan paras stok yang rendah di Bursa Logam London (LME) dan kesan daripada susutan ringgit keatas harga eksport. Jumlah eksport, bagaimanapun, merosot sebanyak 23.4% dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1998 kepada 14,821 tan metrik, berbanding dengan 19,336 tan metrik dalam tempoh yang sama tahun 1997.

Bagi bulan-bulan seterusnya dalam tahun 1998, harga timah dijangka kekal stabil pada paras RM22.34 sekilogram disebabkan oleh penawaran yang ketat dan paras stok yang rendah berterusan di Bursa Logam London (LME). Oleh itu, bagi keseluruhan tahun 1998, pendapatan daripada eksport timah dijangka meningkat sebanyak 27% kepada RM608.6 juta (1997: RM479.1 juta), terutama disebabkan peningkatan 40.8% dalam harga timah kepada RM22.00 sekilogram (1997: RM15.62 sekilogram). Jumlah eksport bagaimanapun, dijangka merosot sebanyak 9.4% kepada 28,800 tan metrik (1997: 31,805 tan metrik).

Carta 6.6
Timah - Eksport dan Harga



barangan perantaraan, yang merupakan 67% daripada jumlah import Malaysia, dijangka meningkat sebanyak 15.3% kepada RM167.2 bilion (1997: 10.4%). Peningkatan ini terutamanya disebabkan oleh prestasi eksport barangan perkilangan yang kukuh dalam nilai ringgit, terutamanya keluaran elektrik dan elektronik. Sementara itu, import barangan penggunaan dijangka meningkat dengan kadar yang lebih perlahan, sebanyak 5.3% kepada RM14.8 bilion (1997: 11.3%), disebabkan oleh kesan penyusutan kekayaan akibat kejatuhan harga saham dan aset yang ketara serta penguncupan pendapatan boleh guna.

Dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1998, import kasar meningkat sebanyak 14.6% kepada RM119.5 bilion (Januari-Julai 1997: 4.7%). Import barangan modal dan perantaraan merangkumi 86.5% daripada jumlah nilai import dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1998, manakala barangan penggunaan hanya 5.6% daripada jumlah import dalam tempoh tersebut (sila lihat Jadual 6.7). Dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1998, nilai import dalam dolar AS berkurangan sebanyak 27% kepada AS\$34.7 bilion, berbanding dengan peningkatan sebanyak 23.3% dalam tempoh yang sama tahun 1997.

Prestasi Import

Import kasar barangan, yang dinilai dengan kos fret dan insurans, dijangka meningkat sebanyak 12.9% kepada RM249.5 bilion pada tahun 1998 (1997:12%). Peningkatan yang sederhana ini disebabkan oleh kesan penyusutan nilai ringgit ke atas harga import, memandangkan 70.5% daripada import Malaysia diurusniagakan dalam dolar AS serta pengurangan kuantiti import berikutan penguncupan permintaan dalam negeri.

Import barangan modal, yang merupakan 17% daripada jumlah import dijangka berkurangan sebanyak 2.8% kepada RM42.4 bilion pada tahun 1998 (1997: 19.2%). Ini disebabkan oleh perbelanjaan pelaburan modal yang merosot pada tahun 1998 berikutan lebih keupayaan dalam sektor perkilangan dan kelembapan sektor pembinaan. Pengurangan import barangan modal juga disebabkan oleh langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk mengurangkan import jentera berat. Walau bagaimanapun, import

Barangan Modal

Berikutan pembentukan modal dalam negeri yang perlahan dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1998, import **barangan modal** berkurangan sebanyak 6.8% kepada RM23.3 bilion (sila lihat Jadual 6.8). Ini terutamanya disebabkan oleh penguncupan import kelengkapan pengangkutan untuk tujuan perindustrian sebanyak 15.4% berikutan kemerosotan import kenderaan bermotor bagi pengangkutan barang sebanyak 83.9% dan kelengkapan pengendalian mekanikal sebanyak 77.1%. Import kelengkapan pengangkutan merupakan 19.7% daripada import barangan modal dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1998.

Import barangan modal lain (tidak termasuk kelengkapan pengangkutan), yang merupakan 80.3% daripada import barangan modal, juga mencatatkan kemerosotan sebanyak 4.3% kepada RM18.7 bilion dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1998 (Januari-Julai 1997: 11%). Namun

Jadual 6.7**Import Mengikut Penggunaan Akhir Dan Kategori-kategori Ekonomi Umum (BEC)**
(Januari-Julai)

	Nilai (RM bilion)		Perubahan Tahunan (%)		Sumbangan (%)	
	1997	1998	1997	1998	1997	1998
Barangan Modal	25.0	23.3	21.5	-6.8	21.0	17.1
Barangan perantaraan	77.1	94.8	1.5	23.0	64.8	69.5
Barangan Penggunaan	7.4	7.7	5.2	3.9	6.3	5.6
Lain-lain (termasuk barang dua guna)	6.0	4.6	2.7	-23.3	5.0	3.4
Import untuk dieksport semula	3.5	6.0	-15.9	67.9	2.9	4.4
JUMLAH	119.0	136.4	4.7	14.6	100.0	100.0

Sumber: Jabatan Perangkaan

begitu, import kelengkapan loji kejuruteraan awam dan kontraktor awam berkurangan dengan ketara, iaitu sebanyak 83.7% berikutan penguncupan dalam aktiviti pembinaan baru. Barangan modal lain yang berkurangan dengan ketara disebabkan prestasi sektor pembinaan yang kurang memberangsangkan ialah import barangan logam seperti batang besi dan keluli, jongkong serta besi jongkong. Pada masa yang sama, import kapal dan bot juga merosot berikutan permintaan perkhidmatan perkapalan yang berkurangan akibat jumlah perdagangan yang merosot.

Import barangan modal yang berkurangan juga disebabkan oleh langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk mengurangkan import jentera berat serta menggalakkan penggunaan semula jentera-jentera yang terpakai yang tidak digunakan. Langkah-langkah ini telah diperkenalkan semasa pembentangan Belanjawan 1997 dan 1998 seperti:

- (a) semua import jentera berat bagi sektor pembinaan perlu dapat kelulusan Kementerian Perdagangan Antarabangsa

dan Industri. Kelulusan hanya diberi kepada jentera yang tidak terdapat di dalam negara;

- (b) duti import barangan pembinaan seperti jubin, marmar, besi dan keluli dinaikkan antara 5% hingga 25% kepada 10% dan 30%.
- (c) duti import 5% yang dikenakan ke atas jentera dan kelengkapan berat seperti kren menara, forklift, dan eskalator;
- (d) duti import ke atas lori buangan dan kenderaan serba guna dinaikkan daripada 0% dan 30% kepada 50%;
- (e) duti import ke atas kenderaan kegunaan khas seperti kren lori dan lori pembancuh konkrit dinaikkan daripada 35% kepada 50%; dan
- (f) Kadar elaun modal permulaan bagi jentera berat yang diimport dikurangkan daripada 20% kepada 10% dan elaun tahunan dikurangkan daripada antara 12% dan 20% kepada 10%.

Jadual 6.8

**Import Barangan Modal Mengikut
Penggunaan Akhir Dan Kategori-
katogeri Umum (BEC)**
(Januari-Julai)

	Nilai (RM bilion)		Pertumbuhan Tahunan (%)	
	1997	1998	1997	1998
Barangan Modal (tidak termasuk Kelengkapan pengangkutan)	19.6	18.7	11.0	-4.3
Alat Kelengkapan Pengangkutan, perusahaan	5.4	4.6	83.9	-15.4
JUMLAH	25.0	23.3	21.5	-6.8

Sumber: Jabatan Perangkaan

Barangan Perantaraan

Memandangkan harga import yang tinggi disebabkan oleh penyusutan nilai ringgit, pertumbuhan nilai import **barangan perantaraan** meningkat dengan pesat sebanyak 23% kepada RM94.8 bilion dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1998 (Januari-Julai 1997: 1.5%). Import injap dan tiub termionik, yang merupakan 27.3% daripada jumlah import meningkat dengan ketara, iaitu sebanyak 55.6% dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1998 (Januari-Julai 1997: -4.7%), sejajar dengan nilai eksport keluaran elektrik dan elektronik yang tinggi dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1998. Begitu juga import barangan dan komponen untuk diproses dalam industri makanan dan minuman yang mencatatkan peningkatan ketara sebanyak 50% dalam tempoh kajian (Januari-Julai 1997: -9%). Import alat ganti dan kelengkapan barangan modal bukan kelengkapan pengangkutan mencatatkan peningkatan yang ketara, iaitu sebanyak 43.6%. Import barangan perantaraan lain yang mencatatkan peningkatan dalam tempoh kajian ialah bahan mentah untuk industri makanan dan minuman (50%) dan bahanapi dan pelincir utama (37.5%), seperti yang ditunjukkan dalam Jadual

Jadual 6.9

**Import Barangan Perantaraan Mengikut
Penggunaan Akhir Dan Kategori-
kategori Umum (BEC)**
(Januari-Julai)

	Nilai (RM bilion)		Perubahan Tahunan (%)	
	1997	1998	1997	1998
Makanan dan minuman, utama, Khusus untuk industri	0.8	1.1	7.2	37.5
Makanan dan minuman, diproses Khusus untuk industri	0.8	1.2	-9.0	50.0
Bekalan perindustrian, Utama	2.9	3.0	3.9	3.4
Bekalan perindustrian, Diproses	27.4	27.2	4.9	-0.7
Bahanapi dan pelincir, utama	0.4	0.6	-1.3	50.0
Bahanapi dan pelincir lain, diproses	2.0	2.1	16.1	5.0
Alat ganti dan aksesori Barangan modal (kecuali alat Kelengkapan pengangkutan)	40.6	58.3	-1.3	43.6
Alat ganti dan aksesori untuk Alat kelengkapan pengangkutan	2.2	1.3	2.5	-40.9
JUMLAH	77.1	94.8	1.5	23.0

Sumber: Jabatan Perangkaan

6.9. Sebaliknya, import alat ganti dan aksesori kelengkapan pengangkutan mencatatkan pengurangan yang ketara, iaitu sebanyak 40.9% dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1998 (Januari-Julai 1997: 2.5%), berikutan pengurangan pengeluaran kelengkapan pengangkutan, terutamanya industri automobil.

Barangan Penggunaan

Import **barangan penggunaan**, yang merupakan 5.6% daripada jumlah import dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1998, meningkat dengan lebih perlahan sebanyak 3.9% kepada RM7.7 bilion, berbanding dengan peningkatan sebanyak 5.2% dalam tempoh yang sama tahun 1997, walaupun harga import meningkat berikutan penyusutan nilai ringgit (sila lihat Jadual 6.10). Pertumbuhan yang semakin perlahan ini menggambarkan pengurangan pendapatan boleh guna, hakisan kekayaan pengguna berikutan deflasi aset, kesukaran untuk mendapatkan pinjaman serta kadar faedah yang tinggi di samping kurang keyakinan para pengguna akibat ketidakpastian tentang jaminan pekerjaan disebabkan oleh penguncupan aktiviti-aktiviti ekonomi. Import barangan penggunaan yang mencatatkan pengurangan yang ketara dalam tempoh kajian ialah kelengkapan pengangkutan bukan perusahaan, iaitu sebanyak 80%. Namun begitu, import makanan dan minuman yang diproses untuk penggunaan isirumah seperti barli, mentega dan marjerin meningkat sebanyak 15.8% kepada RM2.2 bilion, manakala import makanan utama seperti beras dan sayuran meningkat sebanyak 10% kepada RM1.1 bilion dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1998.

Import **barang-barang pengguna lain** berkurangan sebanyak 0.2% dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1998, terutamanya disebabkan oleh pengurangan import barangan tahan lama yang ketara, iaitu sebanyak 23.1%. Namun begitu, import barangan separa tahan lama hanya meningkat sebanyak 0.6% kepada RM1.65 bilion, manakala import barang tidak tahan lama mencatatkan pertumbuhan yang semakin perlahan kepada 8.8%.

Import **barang-barang lain** (termasuk barang dua guna) berkurangan sebanyak 23.3% kepada RM4.6 bilion (Januari-Julai 1997: 2.7%). Ini terutamanya disebabkan oleh kemerosotan import barang dua guna yang terdiri daripada bahanapi dan pelincir yang diproses, alat kelengkapan pengangkutan dan kereta penumpang sebanyak 31.2% (Januari-Julai 1997: -2.2%). Secara khususnya, import motokar dan alat kelengkapan pengangkutan mencatatkan kemerosotan yang ketara, iaitu sebanyak 63.6% kepada RM0.8 bilion dalam tempoh kajian (Januari-Julai 1997: -12.6%), berikutan duti import yang tinggi ke atas kereta

Jadual 6.10

Import Barangan Penggunaan Mengikut Penggunaan Akhir Dan Katogeri-katogeri Umum (BEC) (Januari-Julai)

	Nilai (RM bilion)		Perubahan Tahunan (%)	
	1997	1998	1997	1998
Makanan dan minuman, utama Khusus untuk penggunaan isirumah	1.0	1.1	8.6	10.0
Makanan dan minuman, diproses Khusus untuk penggunaan isirumah	1.9	2.2	4.9	15.8
Alat kelengkapan pengangkutan, Bukan perusahaan	0.1	0.02	-5.8	-80.0
Barang pengguna lain,	4.39	4.38	4.8	-0.2
Barang tahan lama	0.82	0.63	-11.2	-23.1
Barang separa tahan lama	1.64	1.65	0.2	0.6
Barang tidak tahan lama	1.93	2.1	18.6	8.8
JUMLAH	7.4	7.7	5.2	3.9
Sumber: Jabatan Perangkaan				

penumpang yang diperkenalkan dalam Belanjawan 1998 (sila lihat Jadual 6.11).

Import untuk dieksport semula, yang terdiri daripada bijih timah dan getah, meningkat dengan ketara sebanyak 67.9% dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1998, berbanding dengan pengurangan sebanyak 15.9% dalam tempoh yang sama tahun 1997. Walau bagaimanapun, import untuk dieksport semula masih kecil, iaitu merupakan 4.4% daripada jumlah import dalam tempoh kajian. Selepas mengambil kira import untuk diimport semula, import tertangguh, meningkat sebanyak 12.9% kepada RM130.5 bilion berbanding dengan pertumbuhan sebanyak 5.6% dalam tempoh yang sama tahun 1997.

Haluan Perdagangan


Table 6.11
Import Barangan Lain Mengikut
Penggunaan Akhir dan Katergor-
kategori Umum (BEC)
(Januari-Julai)

	Nilai (RM billion)		Perubahan tahunan (%)	
	1997	1998	1997	1998
Barang dua guna	3.2	2.2	-2.2	-31.2
Bahanapi dan minyak pelincir, Diproses	1.0	1.4	33.0	40.0
Alat kelengkapan pengangkutan, Motokar penumpang	2.2	0.8	-12.6	-63.6
Lain-lain	2.8	2.4	12.5	-10.7
JUMLAH	6.0	4.6	2.7	-23.3

Sumber: Jabatan Perangkaan


Jumlah perdagangan Malaysia berkembang sebanyak 27.5% kepada RM299.2 bilion dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1998 (Januari-Julai 1997: 3.7%). Peningkatan ini adalah berikutan kesan penyusutan nilai ringgit berbanding dolar AS ke atas nilai eksport, memandangkan sebahagian besar daripada perdagangan luar Malaysia diurusniagakan dalam dolar AS. Eksport kasar, yang dinilai dengan f.o.b, meningkat dengan pesat sebanyak 40.9% kepada RM162.7 bilion (Januari-Julai 1997: 19.7%), iaitu meliputi 54.4% daripada jumlah perdagangan. Namun begitu, import kasar mengikut nilai c.i.f, meningkat dengan sederhana sebanyak 14.6% kepada RM136.4 bilion (Januari-Julai 1997: 4.7%), iaitu merupakan 45.6% daripada jumlah perdagangan disebabkan oleh kuantiti import yang berkurangan berikutan penguncupan permintaan dalam negeri. Memandangkan nilai eksport meningkat dengan lebih pesat daripada import, Malaysia mencatatkan lebihan perdagangan yang besar, sebanyak RM26.2 bilion dalam tempoh tujuh bulan pertama

Carta 6.7
Haluan Perdagangan
(Januari - Julai 1998)



Angka-angka di dalam rajah merupakan peratus daripada jumlah.
Sumber: Jabatan Perangkaan

Carta 6.8
Imbangan Perdagangan
(Januari - Julai 1998)



Sumber : Jabatan Perangkaan

tahun 1998, berbanding dengan defisit sebanyak RM3.6 bilion yang dicatatkan dalam tempoh yang sama tahun 1997. Amerika Syarikat (AS) merupakan rakan dagangan Malaysia yang terbesar dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1998, dengan jumlah perdagangan sebanyak RM63 bilion atau 21.1% daripada jumlah perdagangan Malaysia, diikuti oleh Singapura (15.4%), Jepun (15.2%) dan Kesatuan Eropah (EU) (9.2%). Perdagangan dengan negara-negara ekonomi perindustrian baru (NIE), yang terdiri daripada Korea Selatan, Taiwan dan Hong Kong SAR merupakan 11.9% daripada jumlah perdagangan Malaysia dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1998.

Perdagangan Malaysia dengan **AS** berkembang dengan pesat sebanyak 58.7% kepada RM63 bilion dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1998. Eksport ke AS meningkat dengan ketara, sebanyak 73% kepada RM34.6 bilion, manakala import meningkat sebanyak 44.2% kepada RM28.4 bilion (sila lihat Jadual 6.12). Justeru, Malaysia

mencatatkan lebih perdagangan yang besar dengan AS, sebanyak RM6.2 bilion dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1998, berbanding dengan lebih sebanyak RM0.3 bilion dalam tempoh yang sama tahun 1997. Eksport Malaysia ke AS merupakan 21.3% daripada jumlah pendapatan eksport dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1998. Eksport Malaysia ke AS kebanyakannya terdiri daripada jentera dan kelengkapan telekomunikasi, terutamanya jentera dan perkakas elektrik, mesin-mesin kegunaan pejabat serta mesin memproses data automatik, yang merupakan 77.2% daripada jumlah eksport ke AS. Import dari AS merupakan 20.8% daripada jumlah import Malaysia dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1998. Import dari AS terutamanya terdiri daripada jentera, termasuk keluaran elektronik, jentera dan perkakas elektrik serta injap dan tiub termionik dan peralatan pengangkutan, yang merupakan 76.4% daripada import dari AS.

Singapura merupakan rakan dagangan Malaysia yang kedua terbesar, iaitu merupakan

Jadual 6.12
Perdagangan Dengan Amerika Syarikat
(Januari-Julai)

	<i>Eksport</i>				<i>Import</i>			
	<i>Nilai (RM bilion)</i>		<i>Perubahan tahunan (%)</i>		<i>Nilai (RM bilion)</i>		<i>Perubahan tahunan (%)</i>	
	1997	1998	1997	1998	1997	1998	1997	1998
Makan, minuman, tembakau, minyak dan lemak ¹	0.3	0.6	44.2	100.0	0.8	0.6	-7.1	-25.0
Bahan mentah tidak boleh dimakan, bahanapi galian dan pelincir ²	0.6	0.8	21.2	33.3	0.47	0.54	-14.8	14.9
Barang-barang perkilangan, perantaraan ³	1.0	1.8	0.7	80.0	2.3	2.9	1.1	26.1
Jentera, peralatan telekomunikasi dan kelengkapan pengangkutan ⁴	15.2	26.7	-8.7	75.7	14.2	21.7	5.3	52.8
Barang-barang perkilangan, barang-barang siap ⁵	2.9	4.6	-4.3	58.6	1.5	2.2	35.5	46.7
Pelbagai ⁶	0.07	0.08	-10.9	14.3	0.47	0.49	8.5	4.3
JUMLAH	20.0	34.6	-6.4	73.0	19.7	28.4	5.6	44.2

¹ Termasuk Kod Piawaian Perdagangan Antarabangsa (SITC) 0, 1 dan 4 seperti beras, tembakau dan minyak sayuran lain.

² Termasuk SITC 2 dan 3, seperti getah asli dan keluaran petroleum

³ Termasuk SITC 5 dan 6, seperti hidrokarbon, sulfan, nitrat serta keluaran besi gelek rata

⁴ Termasuk SITC 7 sahaja, seperti injap dan tiub termionik dan peralatan telekomunikasi

⁵ Termasuk SITC 8 sahaja, seperti alat-alat mengukur, memeriksa, menganalisis dan kawalan

⁶ Termasuk SITC 9 sahaja, seperti transaksi dan komoditi khas dan emas bukan bentuk wang

15.4% daripada jumlah perdagangan Malaysia. Perdagangan luar Malaysia dengan Singapura terus berkembang sebanyak 16.4% kepada RM46.2 bilion dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1998. Eksport Malaysia ke Singapura meningkat sebanyak 19.9% kepada RM28.3 bilion berbanding dengan pertumbuhan sebanyak 4.7% dalam tempoh yang sama tahun 1997 (sila lihat Jadual

6.13). Sebahagian besar daripada eksport ke Singapura terdiri daripada jentera dan kelengkapan pengangkutan, termasuk keluaran elektrik dan elektronik, mesin pejabat dan kelengkapan pemprosesan data automatik dan peralatan telekomunikasi serta barang perkilangan lain. Pada masa yang sama, import dari Singapura yang terdiri daripada jentera, peralatan telekomunikasi

dan kelengkapan pengangkutan, terutamanya jentera dan perkakas elektrik (62.6%) serta bahan mentah tidak boleh dimakan, bahanapi galian dan pelincir (16.2%). Justeru, Malaysia mencatatkan lebih perdagangan yang besar dengan Singapura, sebanyak RM10.4 bilion dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1998, berbanding dengan lebih sebanyak RM7.5 bilion dalam tempoh yang sama tahun 1997.

Perdagangan luar Malaysia dengan **Jepun** berkembang sebanyak 8.1% kepada RM45.4 bilion dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1998 (Januari-Julai 1997: -3.9%), atau 15.2% daripada jumlah perdagangan Malaysia, seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 6.14. Ini mencerminkan peningkatan eksport ke Jepun sebanyak 18.7% kepada RM18.4 bilion dalam tempoh tujuh bulan

pertama tahun 1998 (Januari-Julai 1997: 2.3%), manakala import meningkat sebanyak 1.9% kepada RM27 bilion. Oleh demikian, defisit perdagangan Malaysia dengan Jepun berkurangan sebanyak RM2.4 bilion kepada RM8.6 bilion dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1998, daripada defisit sebanyak RM11 bilion dalam tempoh yang sama tahun 1997. Seperti yang ditunjukkan dalam Carta 6.7, eksport ke Jepun merupakan 11.3% daripada jumlah pendapatan eksport Malaysia. Eksport ke Jepun terutamanya terdiri daripada gas asli dan buatan, peralatan telekomunikasi dan jentera, radas dan perkakas elektrik, yang merupakan 86.4% daripada jumlah eksport ke Jepun dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1998. Import dari Jepun merupakan 19.8% daripada jumlah nilai import Malaysia dalam tempoh kajian. Sebanyak 90.7% daripada import Malaysia dari Jepun terdiri daripada

Jadual 6.13
Perdagangan Dengan Singapura
(Januari-Julai)

	<i>Eksport</i>				<i>Import</i>			
	<i>Nilai (RM bilion)</i>		<i>Perubahan tahunan (%)</i>		<i>Nilai (RM bilion)</i>		<i>Perubahan tahunan (%)</i>	
	<i>1997</i>	<i>1998</i>	<i>1997</i>	<i>1998</i>	<i>1997</i>	<i>1998</i>	<i>1997</i>	<i>1998</i>
Makanan, minuman, tembakau, minyak dan lemak	1.5	1.9	0.4	26.7	0.11	0.13	4.9	18.2
Bahan mentah tidak boleh dimakan, bahanapi galian dan pelincir	1.5	1.4	-1.5	-6.7	2.4	2.9	15.1	20.8
Barang-barang perkilangan, perantaraan	2.4	3.1	-0.9	29.2	2.0	2.2	9.9	10.0
Jentera, peralatan telekomunikasi dan kelengkapan pengangkutan	15.9	19.4	6.5	22.0	9.5	11.2	4.3	17.9
Barang-barang perkilangan, barang-barang siap	1.7	1.73	3.8	1.8	0.7	0.9	9.3	28.6
Pelbagai	0.6	0.7	13.4	16.7	1.4	0.6	23.9	-57.1
JUMLAH	23.6	28.3	4.7	19.9	16.1	17.9	8.3	11.2

Sumber: Jabatan Perangkaan

jentera, radas dan perkakas elektrik, peralatan telekomunikasi dan kelengkapan pengangkutan serta barang perkilangan lain, terutamanya besi dan keluli.

Perdagangan Malaysia dengan **ASEAN** (tidak termasuk Singapura) berkembang dengan pesat sebanyak 36.4% kepada RM23.6 bilion, iaitu 7.9% daripada jumlah perdagangan Malaysia. Nilai eksport ke negara-negara ASEAN meningkat sebanyak 30% kepada RM11.7 bilion (Januari-Julai 1997: -1.1%). Eksport Malaysia terutamanya terdiri daripada jentera, peralatan telekomunikasi

dan kelengkapan pengangkutan serta barang perkilangan lain. Import daripada negara-negara ASEAN meningkat sebanyak 52.4% kepada RM12.5 bilion (Januari-Julai 1997: 22.4%). Sebahagian besar daripada import adalah terdiri daripada jentera, peralatan telekomunikasi dan kelengkapan pengangkutan, barang perkilangan lain serta bahanapi galian dan pelincir. Memandangkan import meningkat dengan lebih pesat daripada eksport, Malaysia mencatatkan defisit perdagangan dengan negara-negara ASEAN sebanyak RM1.4 bilion dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1998, berbanding dengan lebih

Jadual 6.14
Perdagangan Dengan Jepun
(Januari-Julai)

	<i>Eksport</i>				<i>Import</i>			
	<i>Nilai (RM bilion)</i>		<i>Perubahan tahunan (%)</i>		<i>Nilai (RM bilion)</i>		<i>Perubahan tahunan (%)</i>	
	1997	1998	1997	1998	1997	1998	1997	1998
Makanan, minuman, tembakau, minyak dan lemak	0.6	1.0	0.3	66.7	0.06	0.057	27.0	-5.0
Bahan mentah tidak boleh dimakan, bahanapi galian dan pelincir	5.1	5.5	10.7	7.8	0.23	0.22	5.5	-4.3
Barang-barang perkilangan, perantaraan	2.4	2.2	22.3	-8.3	5.4	6.2	-8.1	14.8
Jentera, peralatan telekomunikasi dan kelengkapan pengangkutan	6.2	8.2	-7.2	32.3	18.5	18.3	-8.2	-1.1
Barang-barang perkilangan, barang-barang siap	1.1	1.3	-11.1	18.2	1.4	1.7	8.5	21.4
Pelbagai	0.11	0.15	37.9	36.4	0.9	0.5	2.9	-44.4
JUMLAH	15.5	18.4	2.3	18.7	26.5	27.0	-6.9	1.9

Sumber: Jabatan Perangkaan

Jadual 6.15
Perdagangan Dengan Kesatuan Eropah
(Januari-Julai)

	<i>Eksport</i>				<i>Import</i>			
	<i>Nilai (RM bilion)</i>		<i>Perubahan tahunan (%)</i>		<i>Nilai (RM bilion)</i>		<i>Perubahan tahunan (%)</i>	
	1997	1998	1997	1998	1997	1998	1997	1998
Makanan, minuman, tembakau, minyak dan lemak	1.1	2.3	-11.8	109.1	0.5	0.6	-11.3	20.0
Bahan mentah tidak boleh dimakan, bahanapi galian dan pelincir	1.1	1.4	-6.9	27.3	0.3	0.2	34.6	-33.3
Barang-barang perkilangan, perantaraan	1.4	2.5	10.6	78.6	3.5	3.4	5.9	-2.9
Jentera, peralatan telekomunikasi dan kelengkapan pengangkutan	10.5	15.8	11.8	60.0	11.3	11.1	3.2	-1.8
Barang-barang perkilangan, barang-barang siap	2.1	3.0	5.1	42.9	0.7	0.8	4.6	14.3
Pelbagai	0.17	0.2	41.6	17.6	0.6	0.3	3.8	-50.0
JUMLAH	16.4	25.2	7.7	53.7	16.9	16.4	3.8	-3.0

Sumber: Jabatan Perangkaan

sebanyak RM0.9 bilion dalam tempoh yang sama tahun 1997. Di kalangan negara-negara ASEAN, Malaysia mencatatkan defisit perdagangan dengan Indonesia, Filipina dan Thailand yang masing-masing berjumlah RM1.2 bilion, RM1 bilion dan RM0.02 bilion dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1998.

Jumlah perdagangan dengan **EU**, yang merupakan 13.9% daripada jumlah perdagangan Malaysia, meningkat sebanyak 15.5% kepada RM41.6 bilion dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1998 (Januari-Julai 1997: 5.1%). Eksport ke EU meningkat dengan ketara sebanyak 53.7%

kepada RM25.2 bilion, manakala import berkurangan sebanyak 3% kepada RM16.4 bilion (sila lihat Jadual 6.15). Oleh itu, Malaysia mencatatkan lebihan perdagangan sebanyak RM8.8 bilion, berbanding dengan defisit sebanyak RM0.5 bilion dalam tempoh yang sama tahun 1997. Eksport utama ke EU terdiri daripada jentera elektrik, peralatan telekomunikasi dan mesin pejabat dan kelengkapan pemprosesan data automatik serta barangan perkilangan akhir. Sementara itu, import dari EU pula terdiri daripada jentera, radas dan perkakas elektrik serta jentera dan kelengkapan perusahaan. Jerman kekal sebagai rakan dagangan utama di kalangan

negara-negara EU, iaitu merupakan 25.2% daripada jumlah perdagangan Malaysia dengan EU dan diikuti oleh United Kingdom (20.7%). Eksport Malaysia ke Jerman meningkat sebanyak 41.2% kepada RM4.8 bilion, manakala import dari Jerman meningkat sebanyak 16.3% kepada RM5.7 bilion, menyebabkan Malaysia mencatatkan defisit perdagangan sebanyak RM0.9 bilion. Pada masa yang sama, eksport ke United Kingdom meningkat dengan ketara sebanyak 47.4% kepada RM5.6 bilion, manakala import dari United Kingdom merosot sebanyak 3.2% kepada RM3 bilion. Memandangkan nilai eksport melebihi import, Malaysia mencatatkan lebih perdagangan sebanyak RM2.6 bilion dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1998 (Januari-Julai 1997: RM0.7 bilion).

Perdagangan Malaysia dengan **negara-negara ekonomi perindustrian baru Asia (NIE)** (tidak termasuk Singapura), yang merupakan 11.9% daripada jumlah perdagangan, meningkat sebanyak 13% kepada RM35.7 bilion dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1998. Ini mencerminkan kesan penyusutan nilai ringgit berbanding dolar AS ke atas nilai perdagangan yang sebahagian besarnya diurusniagakan dalam dolar AS dan kuantiti perdagangan yang rendah berikutan krisis kewangan yang melanda negara-negara tersebut. Eksport meningkat sebanyak 19.6%, manakala import meningkat sebanyak 6.8%, membolehkan Malaysia mencatatkan lebih perdagangan sebanyak RM1.9 bilion (Januari-Julai 1997: RM1.1 bilion). Eksport ke NIE terutamanya terdiri daripada jentera, peralatan telekomunikasi dan kelengkapan pengangkutan serta bahan api galian, manakala import utama dari NIE terdiri daripada jentera, peralatan telekomunikasi dan kelengkapan pengangkutan serta barang perkilangan lain. Di kalangan negara-negara NIE, Taiwan kekal sebagai rakan dagangan utama, iaitu merupakan 38.4% daripada jumlah perdagangan dengan NIE, diikuti dengan Hong Kong SAR (32.5%) dan Korea Selatan (29.4%). Perdagangan dengan Taiwan berkembang sebanyak 24.5% kepada RM13.7 bilion, dengan eksport meningkat sebanyak 25.9% kepada RM6.8 bilion, manakala import meningkat sebanyak 23.2% kepada RM6.9 bilion. Justeru, Malaysia mencatatkan defisit perdagangan dengan Taiwan sebanyak RM0.1 bilion (Januari-Julai 1997: -RM0.2 bilion). Perdagangan dengan Hong Kong SAR meningkat sebanyak 24.7% kepada RM11.6 bilion dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1998 (Januari-Julai 1997: 2.2%). Memandangkan

eksport meningkat sebanyak 26.2% kepada RM8.2 bilion sementara import meningkat sebanyak 21.4% kepada RM3.4 bilion, Malaysia mencatatkan lebih perdagangan sebanyak RM4.8 bilion dengan Hong Kong SAR. Sementara itu, perdagangan dengan Korea Selatan meningkat sebanyak 6.1% kepada RM10.5 bilion dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1998 (Januari-Julai 1997: -2.5%). Eksport ke Korea Selatan meningkat sebanyak 5.4% kepada RM3.9 bilion, manakala import dari Korea Selatan meningkat sebanyak 6.5% kepada RM6.6 bilion. Oleh itu, Malaysia terus mencatatkan defisit perdagangan sebanyak RM2.7 bilion dengan Korea Selatan dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1998 (Januari-Julai 1997: - RM2.5 bilion).

Perdagangan dengan **Republik Rakyat China (China)** berkembang pesat pada kadar 39% dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1998 (Januari-Julai 1997: 16.1%). Ini didorong oleh peningkatan eksport sebanyak 53.8% kepada RM4 bilion, terutamanya perkilangan gabus dan kayu (tidak termasuk perabot), jentera, radas dan perkakas elektrik serta keluaran petroleum. Namun begitu, import Malaysia dari China meningkat dengan lebih perlahan sebanyak 27.3% kepada RM4.2 bilion (Januari-Julai 1997: 32%), terutamanya terdiri daripada barangan makanan, kelengkapan pengangkutan serta jentera, radas dan perkakas elektrik. Disebabkan nilai import yang melebihi eksport, Malaysia mencatatkan defisit perdagangan sebanyak RM0.2 bilion dengan China dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1998 (Januari-Julai 1997: -RM0.7 bilion).

Perdagangan luar Malaysia dengan **Australia** dan **New Zealand** masing-masing berkembang sebanyak 28.6% dan 12.6% dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1998. Eksport ke Australia meningkat dengan ketara sebanyak 78.9% kepada RM3.4 bilion, manakala import berkurangan sebanyak 3.3% to RM2.9 bilion. Memandangkan eksport melebihi import, Malaysia mencatatkan lebih perdagangan sebanyak RM0.5 bilion dengan Australia, berbeza dengan defisit perdagangan sebanyak RM1.1 bilion yang dicatatkan dalam tempoh yang sama tahun 1997. Bagi New Zealand pula, eksport Malaysia meningkat sebanyak 33.3% kepada RM0.4 bilion, manakala import hanya meningkat sebanyak 1.8% kepada RM0.58 bilion. Namun begitu, Malaysia masih mencatatkan defisit perdagangan dengan New Zealand sebanyak RM0.18 bilion (Januari-Julai 1997: -RM0.3 bilion). Eksport Malaysia ke

Jadual 6.16

Perdagangan Dengan Negara Ekonomi-ekonomi Perindustrian Baru Asia¹
(Januari-Julai)

	<i>Eksport</i>				<i>Import</i>			
	<i>Nilai (RM bilion)</i>		<i>Perubahan tahunan (%)</i>		<i>Nilai (RM bilion)</i>		<i>Perubahan tahunan (%)</i>	
	<i>1997</i>	<i>1998</i>	<i>1997</i>	<i>1998</i>	<i>1997</i>	<i>1998</i>	<i>1997</i>	<i>1998</i>
Makanan, minuman, tembakau, minyak dan lemak	0.9	1.0	-7.8	11.1	0.15	0.13	26.4	-13.3
Bahan mentah tidak boleh dimakan, bahanapi galian dan pelincir	3.1	3.4	98.6	9.7	0.23	0.21	-8.2	-8.7
Barang-barang perkilangan, perantaraan	3.6	4.7	6.6	30.6	3.3	4.1	-2.3	24.2
Jentera, peralatan telekomunikasi dan kelengkapan pengangkutan	7.3	8.8	11.3	20.5	9.4	11.4	14.5	21.3
Barang-barang perkilangan, barang-barang siap	0.7	0.8	6.7	14.3	0.77	0.76	-7.1	-1.3
Pelbagai	0.14	0.13	32.4	-7.1	0.8	0.3	-22.1	-62.5
Jumlah	15.7	18.8	19.2	19.7	14.6	16.9	6.0	15.8

¹ Termasuk Korea Selatan, Taiwan dan Hong Kong SAR sahaja.

Sumber: Jabatan Perangkaan

Australia dan New Zealand terutamanya terdiri daripada minyak kelapa sawit, getah, timah, petroleum mentah dan kayu gergaji. Import Malaysia dari kedua-dua negara tersebut pula kebanyakannya terdiri daripada keluaran tenusu, gandum dan daging.

Walaupun perdagangan Malaysia dengan **Asia Barat** meningkat sebanyak 48.4% kepada RM4.6 bilion, namun ianya hanya merupakan 2% daripada jumlah perdagangan Malaysia dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1998. Jumlah eksport ke

Asia Barat berkembang sebanyak 54.5% kepada RM3.4 bilion, manakala import meningkat sebanyak 33.3% kepada 1.2 bilion. Memandangkan nilai eksport berkembang dengan lebih pesat daripada import, Malaysia mencatatkan lebih perdagangan sebanyak RM2.2 bilion dengan Asia Barat dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1998, berbanding dengan lebih sebanyak RM1.3 bilion dalam tempoh yang sama tahun 1997. Perdagangan dengan Emiriyah Arab Bersatu, Arab Saudi dan Jordan merupakan 66.7% daripada jumlah perdagangan Malaysia dengan Asia Barat.

Jadual 6.17
Haluan Perdagangan Dengan Rakan Dagangan Lain
 (Januari-Julai)

	<i>Eksport</i>				<i>Import</i>				<i>Imbangan Perdagangan (RM bilion)</i>	
	<i>Nilai (RM bilion)</i>		<i>Perubahan tahunan (%)</i>		<i>Nilai (RM bilion)</i>		<i>Perubahan tahunan (%)</i>			
	1997	1998	1997	1998	1997	1998	1997	1998	1997	1998
ASEAN (termasuk Singapura)	32.7	39.9	3.2	22.0	24.4	30.4	12.4	24.6	8.3	9.5
China	2.6	4.0	0.8	53.8	3.3	4.2	32.0	27.3	-0.7	-0.2
Australia	1.9	3.4	11.8	78.9	3.0	2.9	-3.2	-3.3	-1.1	0.5
New Zealand	0.3	0.4	-21.1	33.3	0.57	0.58	5.6	1.8	-0.27	-0.18
Asia Timur	2.2	3.4	4.8	54.5	0.9	1.2	12.5	33.3	1.3	2.2
Eropah Tengah & Timur ⁰	19	0.37	-3.6	94.7	0.24	0.16	20.9	-33.3	-0.05	0.21
Lain-lain rakan Dagangan	0.4	1.8	1.5	4.5	2.1	2.8	40.1	33.3	-1.7	-1.0
JUMLAH	40.3	53.3	2.8	23.1	34.5	42.2	11.3	22.3	5.8	11.1
(% Sumbangan kepada eksport atau import)	34.9	32.8			29.0	30.9				

Sumber: Jabatan Perangkaan

Eksport utama ke Asia Barat ialah minyak kelapa sawit, makanan dan barangan elektrik. Sebaliknya, import dari Asia Barat kebanyakannya terdiri daripada bahan api galian, pelincir dan bahan mentah yang tidak boleh dimakan.

Perdagangan Malaysia dengan **Eropah Tengah dan Timur** terus berkembang sebanyak 23.3% kepada RM0.53 bilion dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1998 (Januari-Julai 1997: 8.3%). Pertumbuhan nilai perdagangan yang kukuh ini

disebabkan oleh peningkatan eksport sebanyak 94.7% kepada RM0.37 bilion ke rantau ini. Namun begitu, import Malaysia berkurangan sebanyak 33.3% kepada RM0.16 bilion. Justeru, Malaysia mencatatkan lebih perdagangan sebanyak RM0.21 bilion dengan Eropah Tengah dan Timur, berbanding dengan defisit sebanyak RM0.05 bilion dalam tempoh yang sama tahun 1997. Sebahagian besar daripada perdagangan Malaysia dengan Eropah Tengah dan Timur adalah dengan Poland, Hungary dan Republik Czech.

Imbangan Pembayaran

Akaun semasa imbangan pembayaran dijangka mencatatkan lebihan yang besar sebanyak RM20 bilion (7.7% daripada KNK) pada tahun 1998 (1997: -RM14.2 bilion atau 5.4% daripada KNK), iaitu lebihan yang pertama sejak tahun 1989. Perubahan positif dalam kedudukan akaun semasa imbangan pembayaran Malaysia disebabkan oleh lebihan akaun dagangan yang besar, iaitu lebih daripada mencukupi untuk membiayai jangkaan defisit akaun perkhidmatan. Sungguhpun demikian, akaun modal dijangka mencatat aliran masuk bersih yang rendah bagi modal rasmi dan swasta jangka panjang. Sungguhpun begitu, imbangan asas dijangka mencatat lebihan yang besar, iaitu sebanyak RM33.9 bilion (1997: RM4.9 bilion). Selepas mengambil kira aliran keluar bersih modal jangka pendek dan keuntungan penilaian semula ke atas rizab Bank Negara Malaysia, imbangan pembayaran dijangka mencatat lebihan keseluruhan sebanyak RM26.8 bilion pada tahun 1998, berbanding dengan defisit sebanyak RM10.9 bilion pada tahun 1997.

Akaun Semasa

Eksport dagangan, dinilai dengan f.o.b dijangka meningkat sebanyak 28.1% kepada RM280.2 bilion pada tahun 1998 (1997: 13.2%), terutamanya disebabkan kesan penyusutan nilai ringgit ke atas nilai eksport. Pertumbuhan nilai eksport dagangan yang terus kukuh ini dijangka didorong oleh pendapatan eksport barangan perkilangan dan komoditi pertanian yang tinggi. Sementara itu, **import dagangan** dijangka meningkat dengan perlahan, sebanyak 14.5% kepada RM237.5 bilion pada tahun 1998, disebabkan oleh pengurangan kuantiti import berikutan penguncupan permintaan dalam negeri. Memandangkan eksport dagangan yang meningkat dengan lebih pesat daripada import, akaun dagangan dijangka mencatat lebihan yang besar, sebanyak RM42.7 bilion pada tahun 1998 berbanding dengan lebihan sebanyak RM11.3 bilion pada tahun 1997.

Defisit **akaun perkhidmatan** dijangka masih besar, sebanyak RM19.5 bilion pada tahun 1998 (1997: - RM21.8 bilion). Defisit perkhidmatan ini terutamanya disebabkan oleh aliran keluar bersih yang ketara bagi pendapatan pelaburan serta perkhidmatan fret dan insurans. Aliran keluar bersih **pendapatan pelaburan** kekal sebagai

penyumbang utama defisit akaun perkhidmatan. Aliran keluar kasar pendapatan pelaburan dijangka meningkat sebanyak 12.8% kepada RM22.9 bilion pada tahun 1998 (1997: RM20.3 bilion), terutamanya disebabkan oleh bayaran faedah pinjaman luar negeri yang tinggi berikutan daripada penyusutan nilai ringgit serta pengaliran keluar keuntungan dan dividen berikutan pendapatan eksport dalam nilai ringgit yang tinggi oleh syarikat-syarikat asing. Pada masa yang sama, terimaan pendapatan pelaburan, terutamanya terdiri daripada terimaan aset luar negeri oleh Bank Negara Malaysia dan pendapatan pelaburan Malaysia di luar negeri, dijangka meningkat sedikit kepada RM6.7 bilion, berbanding dengan RM6.5 bilion yang dicatatkan pada tahun 1997. Justeru, aliran keluar bersih pendapatan pelaburan dijangka melebar kepada RM16.2 bilion pada tahun 1998 (1997: - RM13.8 bilion), iaitu 83.1% daripada jumlah defisit perkhidmatan.

Aliran keluar bersih perkhidmatan **fret dan insurans** dijangka sebanyak RM9.7 bilion pada tahun 1998, iaitu seperti defisit pada tahun 1997 (RM9.5 bilion). Sejajar dengan kuantiti import yang berkurangan, bayaran kasar ke atas fret dan insurans dijangka meningkat dengan sederhana sebanyak 8.7% kepada RM13.7 bilion (1997: RM12.7 bilion). Walau bagaimanapun, terimaan daripada perkhidmatan fret dan insurans dijangka meningkat sebanyak 25% kepada RM4 bilion (1997: RM3.2 bilion), selaras dengan usaha-usaha untuk meningkatkan keupayaan syarikat-syarikat perkapalan dalam negeri dan industri insurans dalam beberapa tahun kebelakangan ini.

Mengenai aliran keluar bersih **perkhidmatan lain**, yang terdiri daripada bayaran kontrak dan perkhidmatan profesional, yuran pengurusan dan agensi, bayaran royalti, yuran francais, komisen, gaji dan elaun kepada bukan pemastautin dijangka berkurangan dengan ketara daripada RM4.5 bilion pada tahun 1997 kepada RM0.8 bilion pada tahun 1998. Jumlah terimaan daripada perkhidmatan lain dijangka meningkat dengan ketara sebanyak 18.3% kepada RM26.5 bilion pada tahun 1998 (1997: RM22.4 bilion), mencerminkan kesan keuntungan penilaian semula penyusutan nilai ringgit. Sebaliknya, jumlah bayaran dijangka meningkat dengan perlahan, sebanyak 1.5% kepada RM27.3 bilion (1997: RM26.9 bilion), terutamanya disebabkan oleh penguncupan aktiviti pembinaan baru dan beberapa projek infrastruktur awam telah disiapkan.

Jadual 6.18

Akaun Semasa Imbangan Pembayaran
(RM juta)

	1997			1998 ^a			1999 ^r
	+	-	Bersih	+	-	Bersih	Bersih
Akaun Dagangan (Eksport & import f.o.b)	218,701	207,364	11,337	280,248	237,524	42,724	33,358
Akaun Perkhidmatan	49,532	71,323	-21,792	56,302	75,788	-19,486	-19,395
Fret dan insurans	3,173	12,699	-9,526	4,025	13,750	-9,725	-9,927
Pengangkutan lain	6,608	4,038	2,570	6,985	4,998	1,987	2,225
Perjalanan	10,523	6,970	3,553	11,801	6,525	5,276	6,310
Pendapatan Pelaburan	6,493	20,320	-13,827	6,720	22,855	-16,135	-16,305
Urusniaga Kerajaan	308	375	-67	321	405	-84	-98
Perkhidmatan lain	22,427	26,921	-4,495	26,450	27,255	-805	-1,600
Akaun dagangan dan Perkhidmatan	268,233	278,687	-10,455	336,550	313,312	23,238	13,963
Bayaran pindahan	2,254	5,952	-3,698	2,552	5,725	-3,173	-2,950
Akaun Semasa	270,487	284,639	-14,153	339,102	319,037	20,065	11,013
^a Anggaran ^r Ramalan							

Akaun **urusniaga Kerajaan** juga dijangka mencatat defisit, sebanyak RM84 juta pada tahun 1998 berbanding dengan defisit sebanyak RM67 juta pada tahun 1997. Jumlah bayaran kasar, yang terdiri daripada perbelanjaan kedutaan-kedutaan Malaysia di luar negeri dijangka meningkat sebanyak 4.2% kepada RM321 juta (1997: RM308 juta), disebabkan oleh kos mengurus agensi-agensi Kerajaan di luar negeri yang meningkat berikutan penyusutan nilai ringgit. Pada masa yang sama, terimaan kasar dijangka meningkat sebanyak 8% kepada RM405 juta (1997: RM375 juta).

Walau bagaimanapun, akaun **perjalanan** dijangka terus mencatatkan lebihan pada tahun 1998. Terimaan akaun perjalanan dijangka meningkat sebanyak 12.4% kepada RM11.8 bilion pada tahun 1998 (1997: RM10.5 bilion), berikutan peningkatan bilangan pelancong yang melawat Malaysia sebanyak 11.3% kepada 6.9 juta pelancong (1997: -13%). Peningkatan ini sebahagiannya disebabkan oleh penganjuran Sukan Komanwel di Kuala Lumpur pada September lalu yang disertai oleh lebih kurang 5,000 atlet dari 70 buah negara. Sebaliknya, bayaran kasar akaun perjalanan dijangka berkurangan sebanyak 7.1% kepada RM6.5 bilion (1997: RM7 bilion),

mencerminkan pengurangan rakyat Malaysia melancong ke luar negeri berikutan penguncupan nilai ringgit serta langkah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk mengurangkan penghantaran pelajar ke luar negeri. Pada masa yang sama, langkah kawalan modal yang diperkenalkan pada September lalu dijangka mengurangkan perbelanjaan yang berkaitan dengan pelancongan di luar negeri. Memandangkan terimaan melebihi bayaran, akaun perjalanan dijangka mencatat aliran masuk bersih yang besar, sebanyak RM5.3 bilion pada tahun 1998, berbanding dengan aliran masuk bersih sebanyak RM3.5 bilion yang dicatatkan pada tahun 1997.

Aliran masuk bersih berkaitan dengan pendapatan "**perkhidmatan pengangkutan lain**", yang terdiri daripada bayaran penumpang, bayaran pelabuhan dan lapangan terbang, bayaran minyak dan yuran sewa khas dijangka sebanyak RM2 bilion pada tahun 1998 (1997: RM2.6 bilion). Jumlah terimaan kasar daripada "perkhidmatan pengangkutan lain" dijangka meningkat sebanyak 6.1% kepada RM7 bilion pada tahun 1998 (1997: RM6.6 bilion), mencerminkan peningkatan kapasiti Penerbangan Malaysia mengendalikan penumpang, meningkatkan kekerapan penerbangan dan laluan baru. Pada masa yang sama, bayaran kasar "pengangkutan lain" dijangka meningkat dengan lebih pesat sebanyak 25% kepada RM5 bilion pada tahun 1998 (1997: RM4 bilion).

Mengenai **bayaran pindahan** pula, jumlah aliran keluar bayaran pindahan dijangka berkurangan sebanyak 5% kepada RM5.7 bilion berikutan dengan pengurangan jumlah penghantaran wang keluar oleh pekerja asing ke negara asal mereka. Ini disebabkan oleh bilangan pekerja asing yang bekerja di Malaysia semakin berkurangan berikutan penguncupan ekonomi benar serta peraturan yang mewajibkan pekerja asing mencarum dalam Kumpulan Wang Simpanan Pekerja. Sebaliknya, terimaan bayaran pindahan dari luar negeri dijangka meningkat sebanyak 13% kepada RM2.6 bilion, mencerminkan keuntungan penilaian semula berikutan penyusutan nilai ringgit. Justeru, aliran keluar bersih bagi bayaran pindahan dijangka berkurangan daripada RM3.7 bilion pada tahun 1997 kepada RM3.1 bilion pada tahun 1998.

Memandangkan lebih akaun dagangan lebih daripada mencukupi untuk membiayai defisit akaun perkhidmatan serta aliran keluar bersih bayaran pindahan, **akaun semasa** imbalan pembayaran dijangka mencatat lebihan yang besar, sebanyak RM20 bilion atau 7.7% daripada KNK pada tahun 1998, berbanding dengan defisit sebanyak RM14.2 bilion atau 5.4% daripada KNK pada tahun 1997.

Akaun Modal

Akaun modal jangka panjang dijangka mencatat aliran masuk bersih yang semakin berkurangan, sebanyak RM13.9 bilion pada tahun 1998, berbanding dengan aliran masuk bersih sebanyak RM19 bilion yang dicatatkan pada tahun 1997. Ini terutamanya disebabkan oleh aliran masuk bersih **modal rasmi jangka panjang** yang kecil kepada RM1.6 bilion pada tahun 1998 (1997: RM4.6 bilion). Aliran masuk bersih yang kecil ini terutamanya disebabkan pinjaman bersih oleh Perusahaan Awam Bukan Kewangan (PABK) yang dijangka berkurangan dengan ketara kepada RM2.1 bilion (1997: RM6.4 bilion), berikutan pinjaman kasar yang rendah dan bayaran balik yang tinggi oleh PABK. Aliran masuk modal rasmi jangka panjang yang kecil juga adalah disebabkan oleh bayaran kasar yang tinggi ke atas hutang luar negeri Kerajaan Persekutuan berjumlah RM2.2 bilion iaitu lebih daripada pinjaman baru berjumlah RM1.7 bilion, sebanyak RM0.5 bilion. Begitu juga, aliran masuk bersih pelaburan swasta jangka panjang dijangka berkurangan kepada RM12.2 bilion pada tahun 1998, berbanding dengan aliran masuk bersih sebanyak RM14.4 bilion yang dicatatkan pada tahun 1997. Ini mencerminkan tahap pelaburan asing yang diluluskan oleh MIDA berkurangan pada tahun 1997 dan dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1998 serta sikap berhati-hati para pelabur berikutan pertumbuhan perdagangan dunia yang perlahan kesan daripada krisis kewangan yang melanda ekonomi global.

Berikutan perubahan akaun semasa yang ketara serta aliran masuk bersih modal jangka panjang, **imbangan asas** dijangka mencatat lebihan yang besar, sebanyak RM33.9 bilion pada tahun 1998 (1997: RM4.9 bilion). Walau bagaimanapun, selepas mengambil kira aliran keluar bersih modal jangka pendek yang besar sebanyak RM31.8 bilion

dan keuntungan penilaian semula pertukaran asing sebanyak RM24.6 bilion, yang termasuk dalam ralat dan ketinggalan, **kedudukan keseluruhan** imbalan pembayaran dijangka mencatat lebihan yang lebih yang besar sebanyak RM26.8 bilion, berbanding dengan defisit sebanyak RM10.9 bilion pada tahun 1997. Justeru, **rizab antarabangsa bersih** BNM dijangka meningkat sebanyak RM26.8 bilion kepada RM85.9 bilion (AS\$22.6 bilion) pada akhir tahun 1998, mampu untuk membiayai 4.4 bulan import tertangguh.

Pasaran Pertukaran Mata Wang Asing

Pergerakan kadar pertukaran ringgit Malaysia adalah tidak menentu pada awal tahun 1998 akibat kesan penularan daripada perkembangan luaran. Selepas itu, kedudukan ringgit semakin stabil tetapi masih dipengaruhi oleh ketidaktentuan yang wujud hasil perkembangan-perkembangan dalam dan negeri. Nilai ringgit lemah pada awal tahun, mencecah rekod terendah RM1=AS\$0.2049 pada 7 Januari akibat tekanan baru ke atas jualan matawang-matawang serantau, berikutan krisis mudah tunai di Indonesia dan masalah sistem kewangan di Korea Selatan. Walau bagaimanapun, nilai ringgit mengukuh hasil sokongan perkembangan-perkembangan dalam negeri dan luar negeri. Bagi perkembangan dalam negeri, sentimen bertambah baik ekoran peningkatan akaun dagangan Malaysia bagi tahun 1997 serta langkah-langkah untuk meliberalisasi pegangan ekuiti secara terpilih di sektor korporat. Di peringkat antarabangsa, nilai dolar AS lemah berbanding dengan matawang-matawang utama yang lain, namun demikian, perkembangan positif usaha untuk menyelesaikan hutang korporat di Korea Selatan dan Indonesia menyumbang kepada peningkatan keyakinan pelabur. Nilai ringgit meningkat terus dengan pengumuman penyemakan semula anggaran pertumbuhan ekonomi negara bagi tahun 1998 dan langkah-langkah tambahan untuk penstabilan oleh Kerajaan dan nilai ini ditutup pada RM1=AS\$0.2744 pada akhir bulan Mac, peningkatan 6.7% berbanding dengan paras akhir tahun 1997. Begitu juga dengan nilai ringgit yang turut meningkat berbanding deutschemark, yen Jepun, pound sterling dan dolar Singapura pada suku pertama. Berbanding dengan kumpulan komposit, nilai ringgit meningkat sebanyak 6.4%.

Pada suku kedua tahun 1998, nilai ringgit tidak menentu dipengaruhi oleh perkembangan luar dan dalam negara. Di peringkat antarabangsa kelemahan yen Jepun serta dolar AS berikutan kebimbangan mengenai ekonomi Jepun, khususnya sistem perbankan, meningkatkan tekanan ke atas matawang-matawang Asia, termasuk ringgit. Faktor utama lain yang mempengaruhi matawang-matawang serantau pada tempoh ini dengan memuncaknya keadaan ketidaktenteraman politik dan sosial di Indonesia dan sekatan ekonomi antarabangsa ke atas India dan Pakistan akibat ujian nuklear mereka. Di peringkat tempatan, kebimbangan terhadap prestasi sektor perbankan dan ancaman stagflasi menekan sentimen pasaran. Bertentangan dengan perkembangan-perkembangan ini, pasaran bertindak balas secara positif terhadap lebihan dagangan bagi Malaysia pada bulan Mac. Namun begitu, tindak balas positif pasaran tidak berlanjutan kerana kelemahan semula yen pada akhir bulan Jun serta kebimbangan mengenai arah kadar faedah tempatan menyaksikan nilai ringgit terus lemah sebanyak 12.7% kepada RM1=AS\$0.2395 pada akhir bulan Jun berbanding dengan akhir bulan Mac 1998.


Nilai ringgit memperolehi sedikit sokongan pada bulan Julai berikutan daripada pengumuman langkah-langkah fiskal dan kewangan untuk mencergaskan ekonomi pada 13 Julai berikutan penyemakan semula anggaran kedudukan ekonomi bagi tahun 1998 dan pengumuman oleh beberapa pelabur asing yang menyatakan komitmen pelaburan jangka panjang mereka di Malaysia. Ini ditambah dengan perkembangan positif serantau berikutan pengeluaran sebanyak AS\$1 bilion pinjaman oleh IMF kepada Indonesia serta komitmen daripada kepimpinan baru Kerajaan Jepun bagi melaksanakan reformasi ekonomi. Nilai ringgit ditutup pada RM1=AS\$0.2414 pada akhir bulan Julai, meningkat 0.8% daripada akhir bulan Jun. Pada bulan Julai, nilai ringgit meningkat berbanding dengan semua matawang-matawang utama kecuali bagi deutschemark. Pada bulan Ogos, sentimen bagi matawang-matawang serantau, termasuk nilai ringgit merosot. Kelemahan sentimen ini disebabkan oleh penyusutan berterusan yen Jepun berbanding dolar AS serta peningkatan serangan spekulasi ke atas

dolar Hong Kong yang meningkatkan kebimbangan terhadap komitmen China untuk mengekalkan nilai yuan. Pada akhir bulan Ogos 1998, nilai ringgit menyusut sebanyak 7.9% kepada $RM1=AS\$0.2369$ berbanding dengan tahap akhir tahun 1997 iaitu $RM1=AS\$0.2571$. Pada 1 September, BNM memperkenalkan peraturan kawalan pertukaran terpilih bertujuan membendung spekulasi ke atas ringgit dan meminimalkan kesan jangka pendek aliran keluar modal ke atas ekonomi. Nilai ringgit mencatatkan peningkatan sebanyak 10.5% daripada tempoh akhir bulan Ogos kepada peningkatan 'intra-day' $RM1=AS\$0.2617$ pada 1 September 1998 berikutan perubahan langkah-langkah kawalan pertukaran. Pada hari berikutnya, nilai ringgit kukuh berterusan kepada $RM1=AS\$0.2632$. Berkuatkuasa pada pukul 11.00 pagi pada 2 September 1998, kadar pertukaran bagi ringgit telah ditetapkan pada $AS\$0.2632$ berbanding satu ringgit, peningkatan sebanyak 11.1% daripada paras akhir bulan Ogos.

Pada lapan bulan pertama tahun 1998, nilai ringgit meningkat berbanding kebanyakan matawang-matawang utama kecuali deutschmark. Ia bermula dengan penyusutan berbanding dengan yen Jepun tetapi dengan penyusutan yen berbanding dengan dolar AS, nilai ringgit meningkat sebanyak 4.8% untuk ditutup pada $¥100=RM2.8553$ pada 15 September 1998, daripada $¥100=RM2.9921$ dicatatkan pada akhir tahun 1997. Begitu juga, nilai ringgit meningkat sebanyak 5.3% berbanding dolar Singapura (S\$) untuk ditutup pada $S\$1=RM2.2029$ pada 15 September 1998 berbanding dengan paras akhir tahun 1997 $S\$1=RM2.3200$. Nilai ringgit meningkat sebanyak 1.1% berbanding pound sterling (£) kepada $£1=RM6.3789$ pada 15 September 1998 berbanding $£1=RM6.4490$ pada akhir tahun 1997. Nilai ringgit menyusut sebanyak 2.8% berbanding deutschmark kepada $DM1=RM2.2356$ pada 15 September 1998 daripada paras akhir tahun 1997 ($DM1=RM2.179$).

Pada lapan bulan pertama tahun 1998, jumlah urusniaga dalam pasaran pertukaran asing berjumlah RM749.1 bilion, di mana 78.8% di dominasi dalam urusniaga dolar AS.

Carta 6.9
Kadar Pertukaran Ringgit Malaysia ^{1/}



1/ Pada akhir Mac, Jun, September and Disember

2/ RM = ¥ 100

3/ Pada September 1998

↓ Kenaikan nilai Ringgit Malaysia
↑ Penyusutan nilai Ringgit Malaysia